



فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.17 | Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 142

25 NOVEMBER 2024 / 1446 هجري الأول 23

MANISNYA IMAN

"IAITU mereka (umat Islam) yang jika kami teguhkan kedudukan mereka di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta mereka menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada mengerjakan yang mungkar. Dan kepada Allah jualah kesudahan segala urusan".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hajj, ayat 41.

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

DPMM FC MENANG BERGAYA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei 2024 antara DPMM FC menentang Wijaya FC.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. - DPMM FC mencatatkan kemenangan 7-0 ke atas Wijaya FC pada perlawanan Liga Super Brunei 2024 yang berlangsung petang tadi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

>> Muka 3

6 pelajar terima Biasiswa Pendidikan Belia

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Seramai enam orang pelajar telah dianugerahkan Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam (NBD) - Republik Singapura untuk mengikuti pengajian peringkat menengah di Republik Singapura yang akan bermula pada bulan Januari 2025.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa pagi tadi mengadakan Majlis Penganugerahan dan Menandatangani Perjanjian bagi Skim Biasiswa Pendidikan Belia NBD-Republik Singapura Sesi 2024/2025 bertempat di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

>> Muka 4

Presiden FABD dipecat serta-merta

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah

perintah bagi Haji Feisal bin Haji Eusoff Patail untuk dipecat sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) dengan serta-merta.

Susulan ini, tindakan undang-undang akan diambil terhadap beliau kerana mencabar kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tarikh berkuat kuasa adalah mulai hari Sabtu, 21 Jamadilawal 1446 bersamaan 23 November 2024.

Reda Allah penting dalam hidup berkeluarga

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Kepentingan hubungan kekeluargaan mestilah berpaksi kepada keikhlasan, mengharapkan reda Allah Subhanahu Wata'ala iaitu sebelum mengharapkan reda manusia.

Malah hubungan kekeluargaan mestilah berasaskan kepada takwa, takut akan akibat ketika di alam barzakh dan alam akhirat nanti iaitu sebelum timbulnya rasa takut kepada pelanggaran undang-undang dan

peraturan.

Sementara akhlak terpuji sebagai hamba Allah yang sentiasa bertaubat, takut, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakal, mahabbah, reda dan mengingat kematiian ditambah lagi menjaga sembahyang menghayati ajaran agama Islam InsyaaAllah, kehidupan berkeluarga akan penuh keberkatan.

>> Muka 3

InfoDeptBN
IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
f Pelita Brunei @ pelitabrunei X pelitabrunei

Berita Utama



MENGATASI stigma terhadap kesihatan mental

Muka 9



TINGKATKAN kesedaran, kefahaman tentang isu kesihatan mental

Muka 12



KUKUHKAN penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar

Muka 16

RENCANA
PROGRAM Pemantapan Pedagogi Guru Ugama



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) berkenan mengurnikan titah pada Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem*

*Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa
Aalihee Wasabihee Ajma'een, Waba'du.*

ALHAMDULILLAH, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga dapatlah kita berkongsi kejayaan dan kegembiraan dengan para graduan dan ibu bapa serta penjaga dalam Majlis Konvokesyen Kali Ke-14, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada pagi ini.

KUPU SB sentiasa menilai keperluan negara dalam bidang Pendidikan Islam

Beta juga dengan penuh syukur dan sukacita turut merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan yang menerima ijazah dan diploma pada hari ini sebagai tanda kejayaan dalam pengajian masing-masing. Tidak lupa juga penghargaan beta kepada para ibu bapa, penjaga dan pensyarah di atas pengorbanan mereka untuk kejayaan para graduan.

KUPU SB memainkan peranan penting untuk melahirkan guru-guru ugama yang terlatih, selaku tonggak pembentuk akhlak dan pembekal ilmu bagi anak bangsa.

Untuk keberkesanannya pendidikan, beta sangat berharap supaya KUPU SB sentiasa menilai dan memperbaharui program-programnya supaya kekal relevan dan memenuhi keperluan negara, khasnya dalam bidang Pendidikan Islam. Di samping menghasilkan graduan, maka yang dihasilkan itu juga hendaklah mampu untuk bersaing dalam pasaran kerja.

Dari aspek pengurusan dan kesejahteraan warga KUPU SB pula, mereka juga adalah sangat perlu untuk terus diberi perhatian, bagi menjamin suasana pembelajaran yang kondusif dan berkualiti tinggi.

Beta juga menghargai usaha kepimpinan KUPU SB dalam menyusun strategi pembaharuan dan penambahbaikan di KUPU SB, yang meliputi penyusunan semula hala tuju, menyelesaikan sistem pengurusan dan pentadbiran, penjenamaan semula dan penubuhan pusat baharu, menyemak kursus dan struktur program, serta meneliti

keperluan sumber tenaga manusia.

Beta juga menyambut baik akan segala usaha pembaikan, kerana pada hemat beta, ini adalah tindakan yang tepat bagi sebuah institusi pengajian tinggi untuk melakukannya dalam memburu kecemerlangan.

KUPU SB mestinya menjadi pelopor bagi memperkasa pendidikan ugama dan juga jadi peneraju kepada dasar pendidikan patuh syarak. Dalam makna, KUPU SB bukan hanya setakat untuk melihat ke dalam dirinya semata-semata, malah juga berhak untuk turut memantau dan menilai, bahkan untuk memberi pandangan tentang mana-mana amalan atau strategi pendidikan yang memerlukan pemberian dari segi hukum dan kemasyarakatan.

Dalam erti kata lain, KUPU SB mempunyai tanggungjawab tersendiri untuk menyuarakan pandangannya melalui Majlis KUPU SB tentang apa-apa jua yang berkaitan dengan pendidikan ugama, selaras dengan tanggungjawab yang khusus dalam bidang perguruan ugama.

Akhirnya, beta ingin mengambil peluang merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh Ahli Majlis KUPU SB, pentadbiran KUPU SB di bawah pimpinan Ra'es, dan seluruh warga KUPU SB serta ibu bapa atau penjaga graduan yang turut sama-sama hadir bagi meraikan kejayaan anak-anak mereka dalam Majlis Konvokesyen Ke-14 ini.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

SIDANG PENGARANG 25 NOVEMBER 2024

Kebersihan penting untuk kesejahteraan hidup

ISLAM mengajarkan umatnya tentang kebersihan yang meliputi kebersihan rohani, jasmani, pakaian, tempat dan alam sekitar. Perkara ini tidak boleh dipisahkan kerana kebersihan itu melambangkan keteguhan iman seseorang terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengumpamakan kebersihan itu sebagai kunci sembahyang. Ini terbukti menerusi hadis baginda yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi sebagaimana maksudnya 'Daripada Ali bin Abu Talib, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: *Kunci sembahyang adalah suci*'.

Islam menganjurkan kita supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dalam semua perkara yang melibatkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Ini kerana kebersihan itu boleh mendatangkan suasana yang tenang, kesihatan yang terjamin dan kesejahteraan kepada semua.

Dengan menjaga kebersihan juga, ia dapat mencegah daripada mendapat penyakit-penyakit.

Kebersihan ini sering kita terapkan contohnya sebelum kita mengerjakan sembahyang lima waktu, apa yang paling penting kita buat adalah berwuduk.

Berwuduk adalah amalan yang lazimnya dilakukan setiap hari. Setiap orang Islam akan mengerjakan solat fardhu sebanyak lima kali. Dengan itu secara tidak sedar, kita telah membersihkan anggota badan sebanyak lima kali.

Sikap atau kebiasaan membuang sampah sembarangan seperti di tempat-tempat awam, sungai-sungai atau di tepi-tepi jalan termasuk melongokkan barang-barang terpakai bukan sahaja merosakkan keindahan dan mengganggu ketenteraman awam malah menimbulkan bermacam bahaya dan kesan buruk kepada kesihatan, keselamatan dan pencemaran alam sekitar.

Di Negara Brunei Darussalam, unit penguatkuasaan, melalui jabatan-jabatan daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sering mengingatkan kepada orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melongokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Membudayakan amalan hidup bersih ini bermula dari rumah. Oleh itu, ibu bapa hendaklah membimbangi dan mengajar ahli keluarga terutama sekali kepada anak-anak betapa pentingnya aspek kebersihan dalam kehidupan sehari-hari. Jadilah keluarga yang mementingkan kebersihan yang akhirnya menjadikan masyarakat dan negara yang mengutamakan kebersihan.

Oleh itu, sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang bertanggungjawab dan berdisiplin, kita perlu bergandingan bahu dan tidak leka dengan kebersihan alam sekitar kita. Dengan mementingkan tahap kebersihan persekitaran sekeliling, ia memberikan keselesaan kepada seluruh masyarakat dan juga para pelancong yang melawat ke negara kita. - Ketua Penyuntingan (Kr)

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	ISNIN	23	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	SELASA	24	4.39	4.49	6.11	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
27	RABU	25	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
28	KHAMIS	26	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	JUMAAT	27	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.31	6.04	7.18
30	SABTU	28	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19
1	AHAD	29	4.41	4.51	6.14	6.38	12.10	3.32	6.05	7.19

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan		
33 °C	33 °C	33 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
33 °C	33 °C	33 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
33 °C	33 °C	33 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
33 °C	33 °C	33 °C
26 °C	25 °C	25 °C
Wallauhalam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

DPMM FC menang bergaya

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan antara DPMM FC menentang Wijaya FC. Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.



SEKITAR suasana perlawanan antara DPMM FC menentang Wijaya FC yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (atas kanan dan atas kiri).

Muda 'Abdul Muntaqim yang menjaringkan dua gol pada minit ke-56 dan ke-73, manakala jaringan Sergio Mendiguchia Iglesias pada minit ke-65 dan ke-78 perlawanan.

Dengan kemenangan ini akan memberikan keazaman bagi DPMM FC untuk terus beraksi cemerlang pada perlawanan akan datang.



TURUT berangkat menyaksikan DPMM FC ialah anakanda DYTM, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim yang juga selaku Ketua Pasukan.



REDA ALLAH PENTING DALAM HIDUP BERKELUARGA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang disampaikan di dalam tazkirah oleh Pegawai Ugama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien bagi menyterikan lagi Malam Munajat Kali Ke-161 anjuran KHEU.

Program Munajat malam tadi mengundang tetamu khas, Awang Muhammad Ashim Amrullah bin Abdul Rahman Menchok selaku Ahli Persatuan Saudara-saudara Baru Temburong (PESAT) yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Balai Ibadat Kampung Sibut, Temburong.

Turut menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Bersama-sama mengimarahkan Malam Munajat malam tadi ialah Ahli-ahli PESAT; Belia Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir dari Masjid Kampung Belais,

Temburong; Masjid Kampung Sungai Liang, Belait; dan Balai Ibadat Kampung Saba serta beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara. Turut serta ialah warga kerja Jabatan Hal Ehwal Syariah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien. Juga, warga kerja KHEU bersama keluarga dan juga individu yang turut serta secara maya dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diikuti bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Guru Ugama Tingkat II, Sekolah Ugama Bokok, Temburong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah bersama Belia Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir dari Masjid Kampung Belais, Temburong.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Kanan Khidmat Nasihat Rumah Tangga, Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Mohammad Dini bin Haji Morsidi dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asmaul Husna beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohamad Hadi Saifullah bin Abdul Rahim dari Masjid Kampung Sungai Liang, Belait. Sebelum mengakhiri acara, Doa



TURUT hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Tingkat II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Shahrin bin Haji Matnor dari Balai Ibadat Kampung Saba.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan

amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak bersama-sama dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam

dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

6 PELAJAR TERIMA BIASISWA PENDIDIKAN BELIA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Penerima-penerima anugerah biasiswa tersebut ialah Ahmad Syazwi Syahiran bin Sahrin dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan bersekolah di Dunman Secondary School serta pasangan adik-beradik kembar, Ricardo Gallardo Chong dan Reynaldo Gallardo Chong dari Sekolah St. Andrew's akan bersekolah di Temasek Secondary School.

Sementara tiga penerima yang lain Fayruz Amsyar bin Hammry dari Sekolah Chung Hwa Tutong; On Jing Yee dari Sekolah St. Andrew's; dan Mohammad Qahir Saaduddin bin Abdul Quddus dari Ma'had Islam Brunei masing-masing akan bersekolah di Ngee Ann Secondary School.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datuk Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim, selaku Pengerusi Majlis.

Dayang Rosimah Sumaimah dalam ucapannya menekankan dalam menghargai dedikasi dan kerja keras para pelajar ini, mereka bukan memperoleh peluang ini secara kebetulan tetapi melalui proses pemilihan yang ketat.

"Mereka adalah antara mereka yang memperoleh pencapaian tinggi dan menyertai kem dua hari di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), di mana mereka bukan sahaja menunjukkan kebolehan akademik mereka tetapi juga kerja berpasukan, kepimpinan dan kebolehsuaian mereka," terang beliau.

Selepas perkhemahan itu, tambahnya, para pelajar



YANG Berhormat Menteri Pendidikan bergambar ramai bersama para penerima Biasiswa Pendidikan Belia Negara Brunei Darussalam (NBD)-Republik Singapura.

berkenaan menghadapi peperiksaan bertulis dalam kedua-dua mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris yang telah dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura.

Proses ini adalah bagi memastikan pelajar yang dipilih bukan sahaja mempunyai kemahiran akademik yang mantap tetapi juga memiliki kualiti yang diperlukan untuk berkembang maju dalam persekitaran baharu dan mencabar.

Pencapaian ini juga bukan sahaja bukti kerja keras, dedikasi dan ketabahan daripada pelajar yang luar biasa ini tetapi juga mencerminkan komitmen sekolah mereka dan bimbingan guru mereka, jelasnya lagi.

Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa dalam ucapannya turut menasihatkan para pelajar dalam melangkah ke fasa baharu pendidikan di Republik Singapura, mereka diingatkan bahawa pembelajaran adalah pengembalaan sepanjang hayat, justeru mereka diseru untuk sentiasa memantapkan hati, memupuk fikiran ingin tahu, berdaya tahan dan yang paling

penting jujur pada diri sendiri.

"Awda mungkin menghadapi kesukaran tetapi pada masa inilah awda akan dibentuk dengan keazaman yang kuat. Jangan pernah takut untuk meminta bantuan apabila awda memerlukannya, tingkatkan kepercayaan dan kemahiran diri serta saling bergantung pada satu sama lain untuk sokongan.

"Selain itu, manfaatkan setiap peluang yang ada dari segi akademik, budaya dan sosial kerana Republik Singapura menawarkan permaidani yang kaya dengan pengalaman, dan saya menggalakkan awda untuk melibatkan diri dalam pelbagai persekitaran yang bertenaga," ujarnya.

Para pelajar juga dinasihatkan untuk memupuk keseimbangan antara akademik dan pertumbuhan peribadi, sambil meneroka landskap akademik baharu dengan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, memiliki ramai kawan daripada latar belakang yang berbeza dan bersedia untuk menerima cabaran.

"Sebagai duta kecil negara, teruskan menegakkan Melayu Islam Beraja, prinsip dan nilai-nilai Brunei, dengan membawa obor jati diri, pengetahuan, integriti dan kecemerlangan awda dengan bangga. Kejayaan awda bukan sahaja mencerminkan pencapaian individu awda tetapi

juga pada sistem pendidikan NBD dan Republik Singapura," jelas Dayang Rosimah Sumaimah lagi.

"Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus kepada Kerajaan Republik Singapura, terutamanya Kementerian Pendidikan Singapura. Komitmen awda yang tidak berbelah bahagi kepada memupuk kecemerlangan pendidikan telah membolehkan pelajar ini mengakses pendidikan berkualiti dan meluaskan lagi prospek mereka. Kerjasama antara kedua-dua kementerian (NBD dan Republik Singapura) telah mencipta lajuan untuk kejayaan akademik serta budaya pertukaran dan untuk itu, kami mengucapkan ribuan terima kasih," ucapnya.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan penandatanganan perjanjian bagi penerima-penerima anugerah biasiswa berkenaan.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah dan bagi pihak Kerajaan Republik Singapura ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Sementara itu, para penerima biasiswa telah menandatangani perjanjian tersebut bersama dua orang penjamin yang terdiri daripada ibu bapa, penjaga pelajar atau ahli keluarga terdekat.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil-sijil penganugerahan kepada penerima-penerima biasiswa oleh tetamu kehormat.

Turut hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin sekolah dan para ibu bapa / penjaga penerima biasiswa.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Reynaldo Gallardo Chong dan

Mohammad Qahir Saaduddin masing-masing melahirkan rasa syukur kerana terpilih mengikuti biasiswa melanjutkan pengajian ke Republik Singapura.

Kedua-dua mereka memiliki cita-cita yang sama iaitu menjadi juruterbang, mereka menaruh harapan dapat untuk berusaha dengan gigih dan cemerlang untuk mencapai cita-cita tersebut, selain turut melahirkan ucapan terima kasih buat ibu bapa, guru-guru dan kawan-kawan yang sentiasa memberikan dorongan yang kuat demi mencapai kejayaan.



FAYRUZ AMSYAR BIN HAMMRY NGEE ANN SECONDARY SCHOOL

YANG Berhormat Menteri Pendidikan menyampaikan sijil penganugerahan kepada salah seorang penerima biasiswa (atas). Manakala gambar kanan, penandatanganan perjanjian bagi penerima-penerima anugerah biasiswa berkenaan.



166 MURID SEKOLAH AL-FALAAH TERIMA SIJIL



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyempurnakan penyampaian sijil dan hadiah kepada pelajar yang diraikan.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 23 November. – Seramai 166 murid-murid Tadika 3 Sesi



TIMBALAN Pengetua Sekolah Al-Falaah, Dayang Hajah Sharifah Zahrah binti Syed Ahmad Shahab semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Petang Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar dan Ban 5; dan murid-murid Tahun 6 Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar diraikan pada Majlis Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2024 Masihi / 1446 Hijrah dan penyampaian sijil yang berlangsung di Auditorium Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil dan hadiah ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Datu Paduka Haji Sani.

Pada majlis tersebut, seramai 45 murid dari Tadika 3, Tahun 1 hingga Tahun 4 (Sesi Petang) dan Tahun 6 Sekolah Al-Falaah Cawangan Sungai Akar dan Ban

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

5, Kilanas menerima Anugerah Pelajar Terbaik.

Turut menerima hadiah ialah seramai 40 murid-murid yang mengikuti beberapa pertandingan kurikulum peringkat nasional.

Terdahulu itu, Timbalan Pengetua Sekolah Al-Falaah, Dayang Hajah Sharifah Zahrah binti Syed Ahmad Shahab dalam ucapan alu-aluananya antara lain mengongsikan pencapaian keputusan murid-murid Tahun 6 yang membanggakan dalam Peperiksaan Sekolah Rendah (PSR) tahun ini, di mana peratusan kelulusan keseluruhan adalah 98 peratus, dengan 94 peratus murid mencapai Gred A-C.

Daripada jumlah tersebut jelasnya, 23 peratus murid memperoleh Gred 5A dan 11 peratus lagi mendapat Gred 4A1B.

"Alhamdulillah, pencapaian murid-murid ini tidak mungkin dicapai tanpa pengorbanan ibu bapa, dedikasi guru-guru dan sokongan masyarakat sekeliling yang menjadi tunjang kepada kejayaan mereka.

"Sebagai ibu bapa, guru dan pendidik, kita berkongsi satu tanggungjawab besar: iaitu memastikan generasi ini tidak hanya cemerlang dalam pelajaran tetapi juga kukuh dalam iman dan akhlak," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya berkata, anak-anak hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran teknologi yang pesat, norma masyarakat yang berubah serta

pengaruh budaya luar yang semakin meresap melalui media sosial.

Di samping itu ujarnya, tekanan rakan sebaya menjadi salah satu ujian apabila mereka berada di peringkat remaja.

Sebagai ibu bapa Muslim tegasnya lagi, tugas mereka adalah memberikan

anak-anak asas yang kukuh dan mereka harus menjadi pelindung, pembimbing dan juga contoh teladan.

Majlis juga diserikan dengan beberapa Persembahan Pentas antaranya Mari Bercerita dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris; nyanyian dan sketsa (atas). Manakala gambar bawah, antara ibu bapa dan penjaga yang hadir pada majlis berkenaan.



MAJLIS juga diserikan dengan beberapa Persembahan Pentas antaranya Mari Bercerita dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris; nyanyian dan sketsa (atas). Manakala gambar bawah, antara ibu bapa dan penjaga yang hadir pada majlis berkenaan.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat Majlis (atas). Sementara gambar bawah, sekitar Pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf Peringkat Akhir 1446 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 23 November. - Kumpulan Sadiya muncul juara dalam Pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf Peringkat Akhir 1446 Hijrah bersempena Jubli Delima Pusat

Da'wah Islamiyah (PDI) 1406H-1446H anjuran PDI dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei dan disokong oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta Perbadanan Tabung Amanah Islam



Kumpulan Sadiya juara Pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

melalui Kelas-kelas Bimbingan Muallaf dapat memantapkan pengetahuan dan amalan beragama yang diamalkan sehari-hari sekali gus akan mengukuhkan lagi penghayatan beragama dalam kalangan mualaf khasnya dan kepada masyarakat amnya.

"Selain itu, Pertandingan Kuiz Hijrah Muallaf ini diadakan agar menguji minda khususnya para mualaf sejauh mana kefahaman dan pengetahuan mereka mengenai hukum-hakam, baca-bacaan dalam sembahyang, ilmu tauhid, hafazan ayat-ayat lazim, sejarah Islam dan yang seumpamanya," tambah beliau.

Johan pertandingan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,500 berserta piala dan sijil penyertaan. Manakala naib johan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,200 berserta piala dan sijil penyertaan dan tempat ketiga menerima hadiah wang tunai sebanyak BND900 berserta piala dan sijil penyertaan.

Sementara lima lagi kumpulan menerima hadiah sugu hati, piala dan sijil penyertaan. Piala dan sijil adalah sumbangan dari PDI manakala wang tunai, sumbangan dari BIBD.

Kuiz Hijrah Muallaf ini diadakan bertujuan untuk menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam, meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang ugama Islam, mengukuhkan penghayatan



PENGARAH PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh semasa berucap.

beragama dalam kalangan mualaf khususnya dan kepada masyarakat amnya, serta meningkatkan kemahiran penggunaan digital dan celik teknologi informasi (IT) dalam kalangan para peserta mualaf.

Sebanyak lapan kumpulan telah bertanding pada peringkat saringan pada 21 dan 22 November 2024 iaitu Kumpulan Ahlam, Kumpulan Qaisarah, Kumpulan Mumtazah, Kumpulan Sadiya, Kumpulan Qaisar, Kumpulan Mujahid, Kumpulan Fathiya dan Kumpulan Rafiqul 'ala.

PERKASAKAN PENDIDIK TVET DENGAN TEKNOLOGI MAJU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki



PESURUJAYA Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan semasa berucap.

GADONG, Sabtu, 23 November. - Seramai 19 peserta daripada 10 Negara Anggota SEAMEO berjaya menamatkan Program Latihan Serantau IR4.0 Applications to Enhance Teaching and Learning Through Cloud Services - Online



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan.

Applications for Content Development yang dianjurkan oleh Pusat SEAMEO VOCTECH dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Teknologi Sarawak (CENTEXS).

Majlis Penutup bagi meraikan para peserta tersebut berlangsung petang tadi di Pusat SEAMEO VOCTECH.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan.

Turut hadir, Pengarah Pusat SEAMEO VOCTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek.

Para peserta dari NBD, Kemboja, Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam tersebut menerima sijil masing-masing selepas menjalani latihan pada program tersebut termasuk bengkel secara dalam talian selama tiga hari bermula 4

hingga 6 November 2024 disusuli dengan sesi di Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH di NBD selama lima hari pada 18 hingga 23 November 2024.

Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan dalam ucapannya berkata, Tuan Yang Terutama percaya teknologi Industri Revolusi Keempat atau IR 4.0 perlu digunakan untuk memanfaatkan kuasanya dan meningkatkan pembelajaran terutama bagi mereka yang berada dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Menurutnya lagi, TVET memiliki potensi untuk menerapkan perkara relevan yang amat diperlukan ke dalam sistem pendidikan memandangkan ia dapat meningkatkan kebolehkerjaan dan mobiliti sosial lebih baik dengan menyediakan para pelajar dengan kemahiran serta pengetahuan yang mereka perlukan bagi kejayaan dan memenuhi permintaan tenaga kerja moden.

Walaupun permintaan keperluan dan kemahiran spesifik bagi tenaga kerja moden belum jelas, ujarnya, terdapat konsensus bahawa keperluan kemahiran akan berubah sangat pesat selaras dengan kemajuan teknologi.

Oleh itu, kata TYT, Sistem TVET perlu lebih fleksibel dan mudah disesuaikan.

Sebagai sebahagian daripada usaha Pusat SEAMEO VOCTECH untuk melengkapinya para pendidik TVET dengan kemahiran diperlukan bagi menyesuaikan diri dengan kemajuan teknologi yang pesat, program latihan itu memberi tumpuan kepada memperkasa pendidik untuk memanfaatkan teknologi yang maju.

Secara khusus, ia menekankan penggunaan Cloud Services untuk diselaraskan dengan kemajuan

IR4.0, yang membolehkan pengalaman pembelajaran yang diperbaikan, aksesibiliti yang dipertingkatkan dan kerjasama real-time.

Pengenalan Cloud Solutions juga menyediakan para peserta dengan pilihan skala dan cost-effective yang berkesan untuk pembangunan kandungan, penyimpanan dan pengedaran.

Dengan mengintegrasikan teknologi ini ke dalam kurikulum, para pendidik berada pada kedudukan yang lebih baik untuk menyediakan pelajar bagi permintaan tenaga kerja moden yang semakin berkembang.

Program latihan tersebut ditambah baik lagi melalui kerjasama CENTEXS dengan EON Reality, sebuah peneraju global dalam teknologi Augmented and Virtual Reality (AR/VR).

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk melengkapinya para pendidik dengan kemahiran lanjutan dalam teknologi AR/VR, Cloud Services dan aplikasi dalam talian, yang membolehkan peserta untuk

mengintegrasikan alat canggih ke dalam strategi pengajaran mereka.

Seterusnya, program meningkatkan penyampaian pendidikan dan menyediakan pelajar bagi memenuhi permintaan tenaga kerja moden.

Sementara itu, ciri yang menonjol dalam program latihan tersebut ialah Pembangunan Kerjasama Immersive Learning Module, di mana para peserta menggunakan konsep IR4.0 menggunakan platform EON-XR.

Dengan membahagikan para peserta dalam kumpulan berdasarkan minat mereka bentuk persekitaran 3D interaktif, elemen multimedia bersepada dan menyelaraskan kandungan dengan objektif pendidikan.

Aktiviti tersebut menekankan reka bentuk berpusatkan pengguna dan pembangunan langkah demi langkah, yang membolehkan peserta menggabungkan pembelajaran mereka kepada hasil yang praktikal dan memberi impak.



SEBAHAGIAN daripada aktiviti Program Latihan Serantau IR4.0 Applications to Enhance Teaching and Learning Through Cloud Services - Online Applications for Content Development.

Pupuk kerjasama rentas sempadan, promosikan ekosistem usahawan Brunei

Siaran Akbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (YEAB) mengadakan Taklimat Pra-Perjalanan dan Makan Malam Rangkaian Perniagaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (Young Entrepreneurs Association of Brunei - YEAB) baru-baru ini mengadakan Taklimat Pra-Perjalanan dan Makan Malam Rangkaian Perniagaan untuk menyediakan perwakilan Brunei bagi dua acara penting iaitu Sesi Persatuan Usahawan Muda Antarabangsa (IAYEA) dan Mesyuarat Persatuan Usahawan Muda China-ASEAN, yang akan

berlangsung di Beijing, China, bermula dari 2 hingga 7 Disember 2024.

Majlis dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee selaku Naib Presiden I YEAB dan Naib Presiden II, Aimi Ramlee yang menyertai para perwakilan untuk taklimat dan Majlis Makan Malam berkenaan.

Delegasi yang mewakili YEAB pada persidangan tersebut termasuk

Penolong Setiausaha YEAB, Azim Yusof; Ahli Jawatankuasa Eksekutif YEAB, Louis dan Hafiz Azhari; Ahli Penuh YEAB dan Pengarah FXJ Energy and Engineering, Ahmad Fauzi; Ahli Penuh YEAB dan Pengasas dan Pengarah Urusan Hafiz Partners Enterprise, Hafiz Azhari.

Taklimat Pra-Perjalanan memberikan gambaran keseluruhan persidangan yang akan datang, menekankan kepentingan dalam memupuk kerjasama rentas sempadan dan mempromosikan ekosistem usahawan Brunei.

Perwakilan juga mengkaji semula peranan mereka dan bersedia untuk melibatkan diri dengan usahawan dari seluruh ASEAN dan seterusnya.

Majlis Makan Malam tersebut turut memberi peluang untuk mengeratkan lagi persahabatan dalam kalangan delegasi dan memastikan keselarasan matlamat mereka untuk acara yang akan datang.

Penyertaan YEAB dalam persidangan ini menekankan komitmennya untuk memupuk usahawan berdaya saing global dan menyokong Wawasan Brunei 2035 melalui perkongsian strategik serantau dan antarabangsa.



SEMAI RASA CINTA TERHADAP AL-QURAN



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA), Kampung Sengkurong.

Oleh : Marlinaawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

SENGKURONG, Ahad, 24 November. - Persatuan Nurul Islam (PNI) Brunei Muara dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mukim Sengkurong petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali (MSSA), Kampung Sengkurong.

Majlis tersebut disokong oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Ahli Jawatankuasa Takmir MSSA.

Hadir selaku tetamu kehormat

ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Mohamed, selaku Ketua Kampung Putat.

Turut hadir, Ketua Bahagian Dakwah selaku Wakil Pengarah PDI, Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop, serta pegawai-pegawai PDI, Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung Mukim Sengkurong; Ahli Jawatankuasa Takmir MSSA dan Ahli-ahli PNI Daerah Brunei Muara serta para mualaf.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah beramai-ramai yang dipimpin oleh Yang Berhormat Ahli MMN, disusuli Khatam Al-Quran

bermula Surah Ad-Dhuha.

Majlis berkenaan merupakan antara salah satu usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyak membaca Al-Quran, selain menyemai rasa kecintaan terhadap Al-Quran dan menjadikan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian.

Majlis ini diharap akan dapat mengeratkan ukhuwah silaturahim antara para mualaf dan ahli-ahli MPK Mukim Sengkurong serta Ahli Jawatankuasa Takmir MSSA.

Selain itu, ia dapat menarik para mualaf yang bermastautin di Mukim Sengkurong untuk berjinak-jinak ke masjid.



ANTARA para peserta Majlis Khatam Al-Quran yang diraikan (atas dan bawah).



Pameran Seni Amal serlahkan kreativiti pelajar SMARTER Brunei

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin



SETIAUSAHA Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Presiden SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang menyempurnakan perasmian Pameran Seni Amal sempena Ulang Tahun SMARTER Brunei Ke-23.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Lebih 130 karya hasil pelajar Persatuan SMARTER Brunei dipamerkan pada Pameran Seni Amal sempena Ulang Tahun SMARTER Brunei Ke-23 yang diadakan di Pusat SMARTER E.D.G.E (Early Development Growth & Enabling), Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan perasmian acara pameran tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebeliaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Terdahulu itu, Presiden

SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan, pameran tersebut adalah bukti jelas bahawa setiap individu termasuk mereka yang berkeperluan khas memiliki bakat dan potensi luar biasa yang patut dihargai dan diraikan.

Lukisan-lukisan yang dipamerkan hari ini tambahan, bukan sahaja menggambarkan keindahan seni tetapi juga menceritakan kisah-kisah harapan, ketahanan dan kreativiti yang luar biasa daripada anak-anak SMARTER.

Menurutnya lagi, pameran tersebut merupakan satu inisiatif yang bukan sahaja bertujuan

untuk mengumpul dana untuk penganguran ini, malah memberi pendedahan kepada kanak-kanak SMARTER kepada dunia seni dan kraf kreatif.

Sementara itu, Naib Presiden SMARTER Brunei, Sharifah Adila Surya binti Malai Haji Abdullah, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei dalam ucapannya, antara lain mengongsikan bahawa sejak SMARTER Brunei ditubuhkan pada tahun 2001, matlamat utamanya adalah untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti bertaraf dunia dengan memastikan empat bidang keperluan individu autisme dipenuhi, dalam aspek sosial, latihan, pendidikan dan psikologi.

Menyentuh mengenai tema pameran tersebut iaitu 'Autisme: ENIGMA minda yang indah' (Autism: The ENIGMA of a beautiful mind) beliau menjelaskan, ia diilhamkan oleh ayahnya, Pengasas dan Presiden Pertama SMARTER Brunei, Allahyarham Padma Shri Malai Haji Abdullah Malai Haji Othman, yang telah melancarkan Buku Coffee Table yang bertajuk 'Acknowledging Autism, The Enigma Of A Beautiful Mind'.

Buku tersebut tambahnya, bukan sahaja membantu mengumpul dana untuk SMARTER Brunei tetapi juga untuk mempamerkan kejayaan dan perjalanan setiap individu autisme, bagi meningkatkan kesedaran dan menghapuskan stigma.

Pameran Seni Amal sempena Ulang Tahun SMARTER Brunei Ke-23 merupakan satu cara yang bermakna untuk menunjukkan penghargaan kepada anak-anak



SEKITAR Pameran Seni Amal sempena Ulang Tahun SMARTER Brunei Ke-23 yang diadakan di Pusat SMARTER E.D.G.E (Early Development Growth & Enabling), Kampung Perpindahan Mata-Mata, Gadong (atas dan bawah).



SMARTER, di samping berfungsi sebagai platform untuk meraikan bakat, kreativiti dan daya tahan mereka sambil menyerlahkan sumbangan unik mereka kepada dunia seni. Dengan mempamerkan hasil

kerja yang luar biasa, usaha mereka akan dihormati tetapi juga memperkasakan mereka untuk berbangga dengan pencapaian mereka dan memberi inspirasi kepada orang lain untuk mengenali potensi mereka.

RJWS 2024 TEKANKAN KEPENTINGAN PENDEKATAN INOVATIF DALAM LATIHAN KETENTERAAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Peperangan Hutan Serantau (Regional Jungle Warfare Symposium - RJWS) 2024.

TANAH JAMBU, Ahad, 24 November. - Simposium Peperangan Hutan Serantau (Regional Jungle Warfare Symposium - RJWS) 2024 telah dirasmikan pagi tadi oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejai Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan, pada majlis yang diadakan di Akademi Pertahanan ABDB, Tanah Jambu.

Turut hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Alexandra McKenzie; Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB; Ketua-ketua Perwakilan Asing; Penasihat-penasihat dan Atase-atase Pertahanan yang menetap dan tidak menetap di Negara Brunei Darussalam; Pengarah - pengarah; Komandan-komandan; para jemputan dan Pegawai-pegawai ABDB.

RJWS 2024 dijadualkan berlangsung dari 24 hingga 27 November 2024 dan dianjurkan bersama oleh Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) dan Angkatan

Tentera British.

Tema tahun ini ialah 'Enhancing Survivability Through Training and Technology' menekankan kepentingan menyepadan pendekatan inovatif dalam latihan ketenteraan untuk meningkatkan keberkesanan operasi dalam persekitaran yang mencabar.

Sesi pertama simposium dimulakan dengan pembentangan oleh Commander of the 38th Irish Brigade, Brigadier Jamie C. Murray, dari Tentera Darat British, yang membahaskan topik 'Jungle Operations Manoeuvrability, Combat and Sustainment'.

Ini diikuti dengan perbincangan dan penyampaian cenderahati oleh Pemerintah ABDB kepada Brigadier Jamie C. Murray.

Sejurus sesi rehat, Komandan Batalion Infantri 433, Leftenan Kolonel Infantri Laode Muhammad Idrus, dari Komando Cadangan Strategis Angkatan Darat (KOSTRAD), Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Darat, menyampaikan ucaptama mengenai 'Training to Fight and Sustain in Jungle Warfare'.

Majlis diakhiri dengan

penyampaian cenderahati oleh Pemerintah TDDB, Leftenan Kolonel Brigedier Jeneral Haji Mohammad Shanonizam bin Sulaiman, kepada Leftenan Kolonel Infantri Laode Muhammad Idrus.

RJWS pertama kali dilancarkan pada 2017 dengan aspirasi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Pusat Kecemerlangan bagi Peperangan Hutan.

Simposium ini juga berfungsi sebagai platform untuk kerjasama dan perkongsian pengetahuan dengan angkatan tentera serantau, mengumpulkan pemimpin-pemimpin tentera dan pakar untuk membincangkan dan mengemaskini strategi peperangan hutan.

Selain itu, ia juga berperanan untuk memupuk kerjasama dalam pertukaran maklumat dan menggalakkan kolaborasi dalam latihan dan eksesais pelbagai hala di kalangan negara-negara yang turut serta di masa hadapan.

RJWS tahun ini melibatkan penyertaan dari 17 buah negara iaitu Australia, Kerajaan Bahrain, Negara Brunei



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei semasa merasmikan simposium berkenaan (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, pembentangan oleh Commander of the 38th Irish Brigade, Brigadier Jamie C. Murray, dari Tentera Darat British.



Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Perancis, Republik Indonesia, Jepun, Kerajaan Hasyimiah Jordan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, New Zealand, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Republik Sosialis Viet Nam.

جابت فرانځن ایک نومی دان متابیستېک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAH PENGUASA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Zikir membangun keimanan, ketakwaan dalam kehidupan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyertai Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah sempena Program 'Bisai Tah Berjemaah' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara (atas). Manakala gambar atas kanan, Tazkirah Subuh disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. - 'Bisai Tah Berjemaah' (BTB) adalah program kelolaan Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga di Jabatan Hal Ehwal Syar'iah ke arah usaha melestarikan dan memperkuuh keharmonian keluarga.

Program BTB berkenaan diteruskan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang

berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, pagi tadi.

Hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Haji

Amran bin Haji Mohd. Salleh.

Sejurus selesai menuanakan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, acara diimarahkan lagi dengan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Awang Fariszal bin Ali, dengan mengetengahkan tajuk 'Keluargaku Berzikirlah'.

Awang Fariszal antara lain

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

menelekkan mengenai kepentingan berzikir yang merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan juga amalan para anbia.

Menurutnya, Rasul dan juga para Nabi sentiasa berzikir dengan penuh yakin kerana kekuatan zikir itulah dapat menempuh segala macam masalah yang dihadapi.

Zikir katanya lagi, mampu melembutkan hati dan sewajarnya menanamkan amalan zikir kepada ahli keluarga kerana yang pastinya akan memberikan kebahagiaan dalam kehidupan, bahkan juga mendapat kebaikan di akhirat kelak.

Awang Fariszal seterusnya menggariskan beberapa manfaat dan kebaikan amalan zikir yang seharusnya diperaktikkan oleh seorang pemimpin keluarga sebagai tanggungjawab kepada ahli keluarganya.

Zikir yang diamalkan juga tambahnya, dapat membangun keimanan dan ketakwaan serta merealisasikan kebahagiaan hidup dalam berkeluarga sekali gus mengelak daripada perkara yang tidak baik.

Menurutnya, dengan mengamalkan zikir berkenaan juga



sekali gus meneladani dan memberi contoh yang baik kepada kaum keluarga serta menjemput keberkatan dalam kehidupan berkeluarga agar dapat menjurus ke jalan yang diredayai Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara diteruskan dengan aktiviti senaman kecerdasan dan juga beberapa aktiviti permainan keluarga berkumpulan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien dan kemudiannya diakhiri dengan Majlis Penyampaian Hadiah yang disempurnakan oleh Pengarah Hal Ehwal Syar'iah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok.

Mengatasi stigma terhadap kesihatan mental



TUTONG, Sabtu, 23 November. — Lebih 40 peserta telah menghadiri Taklimat 'Mental Health Talk : Minds in Motion anjuran The Lanes Hotel yang berlangsung di Grand

Ballroom hotel berkenaan. Acara ini disokong oleh Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Komuniti, Kementerian Kesihatan dengan menampilkan

penceramah iaitu Dayang Nur Atikah binti Haji Sapar. Antara inti pati ceramah termasuk perbincangan tentang pengetahuan asas kesihatan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri). Manakala gambar kanan, ceramah disampaikan oleh Dayang Nur Atikah binti Haji Sapar.

mental, sesi soal jawab dan rruai interaktif seperti Clarity Sdn. Bhd., Self-Care Support Network, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Syarikat Ying Bee, Perkhidmatan Psikologi Klinikal dan Komuniti serta Perkhidmatan Psikiatri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon. Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Acara ini berfungsi sebagai platform untuk perbincangan yang bermakna, nasihat praktikal, dan penglibatan masyarakat yang bertujuan untuk memupuk kesedaran kesihatan mental yang lebih besar di Daerah Tutong dan daerah yang lain juga. Ia juga menekankan keperluan berterusan untuk memecahkan stigma mengenai kesihatan mental sambil memupuk pemahaman dan sokongan.



USAHA MEMPERKUKUH KEHARMONIAN KELUARGA



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. — Dalam usaha melestarikan dan memperkuuh keharmonian keluarga, Jabatan Hal Ehwal

Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga melaksanakan satu Program BTB (Bisai Tah Berjemaah) yang

diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Program ini diadakan selama dua hari di mana hari pertama program dijayaikan bertepatan dengan Program Malam Munajat yang turut diadakan pada setiap malam Sabtu anjuran KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar dan isteri.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Pengarah

TAZKIRAH kekeluargaan disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan KHEU.

Program ini menyasarkan kelompok keluarga yang terdiri daripada ketua rumah tangga itu sendiri iaitu suami atau isteri bersama sekurang-kurangnya dua ahli keluarga daripada warga KHEU dalam keramaian 100 peserta.

Program turut diisikan dengan tazkirah dan taklimat motivasi kekeluargaan yang disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Haji Saharuddin bin Haji Petra dan Pegawai Ugama dari Jabatan Hal Ehwal Syariah, KHEU, Awang Abdul Mu'uid bin Hariel.

Antara yang disampaikan ialah mengenai perkahwinan yang berjaya itu terikat dengan kejujuran, yang membantu bagi pelaksanaan kewajipan dan amanah serta melakukan perkara-perkara yang soleh secara baik dan konsisten.

Perkahwinan yang baik itu ialah saling tolong-menolong sesama suami isteri, penuh kasih sayang, bertolak ansur,

sentiasa menghulurkan bantuan sesama pasangan dan menghindari konflik dalam rumah tangga.

Program akan diteruskan pada Ahad iaitu Sembahyang Subuh Berjemaah di Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan mendengarkan Tazkirah Subuh serta pelbagai aktiviti lainnya.

Program BTB ini dilaksanakan dengan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Tahun 1445 Hijrah bersamaan Tahun 2023 Masihi, yang menekankan bahawa keluarga bahagia adalah menjadi asas dan matlamat pembangunan negara.

Selain itu juga dengan keterlibatan pihak-pihak yang berkenaan agar lebih proaktif dan mengambil inisiatif dalam menangani isu-isu permasalahan rumah tangga.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap KHEU hadir selaku tetamu kehormat pada Program BTB (Bisai Tah Berjemaah) yang dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. (atas dan kiri).

PAMERAN BERI PELUANG PELAJARI TENTANG AMR

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Minggu Kesedaran Antimikrobal Sedunia (World Antimicrobial Resistance Week - WAAW) diraikan pada 18 hingga 23 November setiap tahun, sebuah kempen global untuk meningkatkan kesedaran tentang ketahanan antimikrobal (AMR).

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Pameran WAAW diadakan pagi tadi di Lobby 5, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis pembukaan, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail.

Pameran tersebut menampilkan reruai yang menunjukkan bagaimana AMR berkaitan dengan pelbagai kementerian dan usaha yang sedang dijalankan untuk mengatasinya.

Para pengunjung akan berpeluang berinteraksi dengan kakitangan dari bidang berkaitan dan mempelajari lebih lanjut tentang kepentingan AMR.

AMR adalah isu kesihatan global yang kompleks yang bukan hanya mempengaruhi kesihatan manusia tetapi juga kesihatan haiwan dan tumbuhan serta alam sekitar.

Impak luasnya terhadap matlamat pembangunan sosioekonomi dan lestari menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang terkoordinasi dan pelbagai sektor.

Pendekatan Satu Kesihatan, yang menggariskan kesaling-hubungan antara sektor-sektor ini, adalah pusat kepada intervensi yang berjaya.

Pada peringkat global, pendekatan ini diwakili oleh organisasi Quadripartite: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Program Alam Sekitar Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP).

Di Negara Brunei Darussalam, Pendekatan Satu Kesihatan juga dilaksanakan melalui Jawatankuasa AMR Brunei Darussalam (BDAMRC), yang ditubuhkan pada tahun 2018.

BDAMRC terdiri daripada ahli-ahli dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pembangunan.

Selaras dengan WAAW 2024 yang bertema 'Didik. Sokong. Bertindak Sekarang', BDAMRC telah menganjurkan pameran bersama dengan wakil daripada ketiga-tiga kementerian.

Pameran bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pekerja kesihatan dan orang awam tentang AMR sebagai isu kesihatan awam dan sosioekonomi global yang mendesak, saling berkait antara pelbagai sektor dan amalan terbaik yang dilaksanakan oleh pihak berkepentingan.

Diharapkan pameran ini dapat membantu mendidik dan meningkatkan kesedaran tentang AMR dalam kalangan

orang awam dan pekerja kesihatan, dengan menekankan sifat kritis AMR sebagai isu kesihatan awam yang memerlukan tindakan segera untuk mencegah penyebarannya.

Pameran dibukakan kepada orang ramai dari jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang.

PEMANGKU Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Khalifah bin Pengiran Haji Ismail semasa menyempurnakan Pembukaan Pameran WAAW (kanan dan bawah).



Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Penasihat Perniagaan APEC

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Dengan cabaran yang semakin meningkat tanpa sempadan, pemimpin perniagaan dari seluruh rantau Asia-Pasifik menyeru Pemimpin Ekonomi APEC untuk mengambil tindakan tegas dalam meningkatkan pertumbuhan yang mampan dan inklusif.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC (APEC Business Advisory Council - ABAC) telah menghadiri Dialog ABAC dengan Pemimpin APEC pada 15 November 2024 di Lima, Peru.

"Walaupun ekonomi global kekal berdaya tahan, ekonomi APEC sedang bergelut dengan inflasi yang berterusan, jurang ekonomi, kadar faedah yang tinggi dan keperluan mendesak untuk meningkatkan pelaburan bagi masa depan berdaya tahan iklim yang hijau."

Pengerusi ABAC 2024, Julia Torreblanca dari Peru berkata, cadangan telah direka untuk membantu APEC bertindak balas dengan pantas kepada cabaran ini, mewujudkan peluang untuk orang ramai dan perniagaan di seluruh rantau ini.

"Kami mahu membolehkan akses saksama kepada faedah ekonomi, menyokong perniagaan dengan asas perdagangan yang teguh dan memastikan pertumbuhan yang mampan dan berdaya tahan," ujarnya.

ABAC menggesa APEC untuk mengutamakan keperluan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), khususnya yang diteraju oleh wanita dan usahawan Orang Asli. Majlis mengesyorkan dasar untuk menggalakkan pendigitalan dan menyediakan akses yang saksama kepada pembiayaan, termasuk modal teroka untuk usahawan wanita.

ABAC melihat alat digital sebagai kunci untuk menyepakupkan lebih banyak

perniagaan ke dalam perlindungan dan peluang yang diberikan oleh ekonomi formal dan menghubungkan PMKS kepada rantaian nilai global, memupuk peluang yang lebih baik untuk rakyat.

Dengan transformasi digital yang semakin memberi kesan kepada kehidupan harian, ABAC mengeluarkan kenyataan kendiri yang menyerlahkan lima trend baru muncul untuk ekonomi digital.

ABAC menyeru Pemimpin-pemimpin APEC yang bertanggungjawab untuk inovasi digital untuk komited terhadap keutamaan ini, bertindak dengan segera dan bekerjasama rapat dengan ABAC pada tahun 2025 untuk menangani perkembangan ini bagi membina ekonomi digital yang berdaya tahan yang memberi manfaat kepada semua.

"Tindakan yang kita ambil hari ini akan membentuk ekonomi digital esok. Marilah kita rebut masa ini untuk memimpin dengan langkah berani, tegas yang akan menjamin masa depan digital yang mampan, inklusif dan makmur untuk semua ekonomi APEC," tambahnya.

Tahun ini, ABAC juga mengeluarkan kenyataan berdiri sendiri yang menyokong Kawasan Perdagangan Bebas Asia-Pasifik (FTAAP) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), yang menekankan kepentingan rangka kerja global dan serantau dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lancar. Menyedari kepentingan saling kendali untuk pertumbuhan berterusan dalam ekonomi digital, ABAC menyokong keselarasan pengawalseliaan mengenai aliran data, keselamatan siber, perkhidmatan yang boleh disampaikan secara digital termasuk melalui Agenda Perkhidmatan Baharu.

ABAC percaya bahawa mewujudkan iklim yang telus, cekap dan mesra pelaburan di seluruh rantau adalah penting.

Mereka menggesa APEC untuk mengutamakan langkah-langkah yang memudahkan pelaburan dan untuk menyokong inisiatif Pemudahan Pelaburan untuk Pembangunan WTO, bertujuan untuk mewujudkan pelan hala tuju komprehensif untuk kemudahan pelaburan yang menyesuaikan diri dengan landskap global yang berkembang.

Krisis iklim adalah teras kepada agenda ABAC, dengan menyatakan bahawa dunia telah mengalami lebih setahun suhu melebihi 1.5 darjah Celsius atas paras pra-industri. ABAC menyeru tindakan kolektif segera, menyokong peralihan tenaga, kesediaan bencana dan mitigasi risiko iklim. Mereka menekankan keperluan untuk perkongsian awam-swasta untuk mengembangkan pembentukan hijau, mengurangkan risiko mata wang dan menyokong perdagangan rentas sempadan kredit karbon sukarela. Perdagangan juga akan menjadi pusat kepada tindak balas iklim yang berkesan, didayakan melalui Rangka Kerja Perdagangan Hijau merentas rantau.

Julia Torreblanca mengetengahkan kerja yang dibangunkan pada tahun itu di bawah tema 'Rakyat. Perniagaan. Kemakmuran' yang mengesahkan nilai dan kuasa perkongsian dan kerjasama untuk memacu perubahan dan mencapai matlamat bersama yang boleh memperbaiki keadaan orang ramai, membolehkan perniagaan berkembang dan menjana kemakmuran.

Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim berkata,

"Delegasi ABAC Brunei baru-baru ini mendapat keistimewaan untuk menghadiri Dialog ABAC dengan pemimpin berprestij yang diadakan di Lima, Peru. Acara penting ini menyediakan platform kepada ahli untuk terlibat secara langsung dengan pemimpin dunia yang

ABAC PERU 2024

IV ABAC MEETING

Lima, Peru



ABAC Brunei diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Standard Chartered Brunei, Pengiran Aki Ismasufian bin Pengiran Haji Ibrahim dan Ahli APEC BAC NBD, Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa, juga Pengarah Urusan Exceltech Solutions Sdn. Bhd pada Mesyuarat ABAC 4 di Lima, Peru.

berpengaruh, memupuk perbincangan bermakna mengenai isu ekonomi dan perdagangan global yang kritis.

"Melalui interaksi ini, ABAC Brunei mengesahkan komitmennya untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, memupuk inovasi dan meningkatkan kerjasama serantau dalam rangka kerja APEC. Penyertaan delegasi menekankan peranan aktif Brunei dalam memajukan dasar ekonomi yang inklusif dan berdaya tahan yang memberi manfaat kepada komuniti Asia Pasifik yang lebih luas. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas peluang untuk menyumbang kepada dialog penting ini dan mengharapkan kerjasama berterusan dengan pemimpin APEC untuk menangani cabaran bersama dan membuka peluang masa depan".

Sementara itu, Ahli APEC BAC NBD, Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa, yang juga Pengarah Urusan Exceltech Solutions Sdn. Bhd. pula berkata, perimpunan ini menegaskan semula kepentingan kerjasama dalam memupuk

pertumbuhan ekonomi dan inovasi yang inklusif, terutamanya untuk PMKS.

"Negara Brunei Darussalam, dengan tumpuan strategiknya pada kepelbagaian dan kemarpanan, berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang-peluang yang muncul dalam rantau APEC. Saya mendapat inspirasi daripada komitmen bersama untuk memajukan transformasi digital dan memperkasakan perniagaan untuk berkembang maju dalam landskap global yang berkembang pesat. Kini menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menterjemahkan pandangan ini kepada strategi yang boleh diambil tindakan untuk masa depan ekonomi negara," tambahnya.

Pada penutupan mesyuarat itu, Pengerusi ABAC menyerahkan kepimpinan kepada H. S. Cho dari ABAC Korea, menandakan peralihan ketika Pemimpin APEC bersiap sedia untuk menangani cabaran mendesak ini dan meneroka peluang untuk pertumbuhan mampan di seluruh rantau Asia Pasifik.

سُرْدَلُهُ سُرْجِي

ستياف كانق-كانق فويا حق

تاهنن يغ قوات. بكتبنا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله مغاجر أو منع منجورهكن كاسيه سايغ ترهداف كانق-كانق سفترت سيدان: **لَيْسَ مِنَ الْمُرْحَمِ صَفِيرًا وَيَعْرُفُ حَقًّا كَبِيرًا.**
مقصودن: بوكن درف (كولوغن) كامي اورغ يغ تيدق منتجوونكن بلس كاسيهن ترهداف أنت-أنت كجبل كامي دان تيدق تاهو منونيكن حق اورغ-اورغ توا كامي. {**حديث رواية إمام أحمد**}

جماعه يغ درجمي الله، مارييه كيت مياطي دان مليندوغى أنت-أنت كيت سرتا ميرييكن حق-حق مرييك. مريلك سلايقن داؤسوه منجادى إنسان برکونا، ديدبىق دعن أكام، علمو دان كماهيران، دفوقوق سماحة جواغ دان دسماي دعن نيلاي مورنى اوتنوق مغهادى كهيدوون ماس هداون يغ لىبه منجابر، سموك كيت دافت منجادالنكن حق دان كواجيچن كيت سباکاي إيبو باف دان فنجاك يغ بايك، سام-سامله كيت مغمبييل اعيتبار درف سپتواسي كانق-كانق دنكارا-نكارا-تربيتس. دعن باروله كيت دافت مپدرى جابرن بسر يغ دهادى اوليه كانق-كانق دفريغكىت كلوپال، دفلسطين، سيريا دان بايق نكارا لاين، جوتان كانق-كانق دنافىيكن حق أساسى مرييك ترماسوق حق اوتنوق هيدوف، حق اوتنوق فندىديقىن، دان حق اوتنوق فرليندونغ. مرييك جوك مغهادى فلياکاي انچمن فقراع، فميونوهن، ككورون ماكن، دان فلياکاي بتنوق فندران.

سباکاي أومنت إسلام، كيت برتعكرغحواب اوتنوق مليندوغى دان مبىتو أنت-أنت سام اد مرييك دالم كلوارك كيت سندىري اتاو بوكن، ترماسوقة يغ برادا دسلوروه دنيا. مسكيقون كيت برادا جاوه، كيت ماسيه بوليه مبىتو دعن دعاء دان سوميئن كتابوغ كمانسان رعيت فلسطين دغۇر. موده-مودهن دهاروکن اكن مندافت كريضان دان كيركىن درف دل الله شيخالله تعالى، آتىن يا زى العالىن.

كانكىللە: "سسوڭوھن توھنکو ملواسىكىن كورنىا رزقىي كىد سسىياف يغ دكەنديقىن انتارا همبا-همبا دان مېمىتىتكىن (كىد سسىياف يغ دكەنديقىن)، دان اۋ سەھاج يغ كامو بلنجاڭ (اوتنوق كبايىك) مىڭ الله اكىن مەكتىتكىن دان دىالە سباپا-باپا فىرىي رزقى." {**سورة سپا آية: ٣٩**}

بازىڭ الله لىنى في القرآن العظيم، وَنَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَ تِلْأَوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فِي فَوْزِ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا لَجَاهَ التَّائِبِينَ.

فندىديقىن. إسلام ساعت منكىكىن كفتىقىن علمو سفترى يغ دباتاكن ددام القرآن، دالم سورة العلق آية ١ هيىك ٥: **باجله (واهي نبى محمد) دعن (مبیوت) نام توھنۇ يغ منجىقىناكن (سکالىن خلوق). دى تله منجىقىناك مانسى درف سکومقل داره بىكىر. باجله، دان توھنۇ مها قموره. يغ مغاجر (مانسى موليس) دعن قىلم (قىنا). دى مغاجر مانسى اف يغ تيدق دكتهپىن.**

جماعه يغ درجمي الله، آية اين منجلسكىن مغايىي فنجىقىنان مانسى سرتا ثىتىقىن علمو قىتھوان. الله شيخالله تعالى جوك مرىنتەكىن سلوروه اومنىن اوتنوق تيدق بىرھنەي بلاجر. ستىاف أنت مغۇبىاي حق اوتنوق منداشلىك فندىديقىن يغ اكىن مبىتو مرييك بركمىغ درى سكىي روحانى، إيتلىكىتوال دان مورل.

كىت هنقالە مىستىكىن تىاد أنت يغ دنافىكىن قلواغ اوتنوق بلاجر دان بركمىغ. كلوارك مروفاكىن يغىكۈغان قىرام يغ إيفىكىييف دالم مېتىقىن فرىيادى أنت يغ ملىقىتى فندىديقىن سوقۇن ساتۇن، مېياساكسان عملن بايك، لاتىپەن-لاتىپەن تىشكۈغحواب دان سپاکاين. دېقىق كراجان قول الحمدلله حق مندافتىكىن فندىديقىن باكىي ستىاف كانق-كانق دنكارا كىت برونى دارالسلام ادالە حق يغ دجامىن اولىه اوندۇغ-اوندۇغ. اين دالە ساتو نعمت يغ كىت هاروس شكورى كران مالاۋىي فندىديقىن، أنت-أنت دافت مېرىسىافىكىن دىرىي اوتنوق منجادى جىراسى يغ برکونا دان بىرقىي كىد آكام، بىسا دان نكارا يغ اكىن دهارقىن اوتنوق متراجوی كېيىملىكىن نكارا قىد ماس هداون.

مانكالا حق كانق-كانق سرتوسى يغ فرلو دەلىلەرا اىالە حق اوتنوق مندافت كاسىيە سايغ. ستىاف أنت بىرقى دان هاروس دلائىن دعن كېبايىك، كاسىيە سايغ دان بىس كامىپەن. ادالە منجادى تىشكۈغحواب كىت اوتنوق موجودكىن قىرسكىتىن يغ سلامت اكىر أنت-أنت مراسا سلامت، دسایيى، دان دەر كاي. مرييك هنقالە دلىندوغى درف منجادى قربان قىندران، تىنداكىن كىرىاسىن، إيكىسقۇلۇپاتاسى دان قىغابايان.

كانق-كانق جوك بىرقى اوتنوق مېسىر دالم فرسكىتىن يغ صىبىت دان سلامت. اين برمقصود مىستىكىن فنجاكاڭ كىصىخىن يغ منجو كۆپ، فماكانن يغ بىرخىصىه دان سېلىپىش، دان كىسلامن يغ دجامىن.

كىصىخىن مېيتل كانق-كانق جوك امته قىتىغ دان هاروس دجاڭ. دالم دىندا يغ قۇنه تكىن اين، مىسەلە يەعوسى سفترى كېيىملىن دان كىمۇرۇغۇن ادالە انتارا بەھا يغ ترددە كىد كانق-كانق كىت. اولىه ايت، كىت بىرقان سپاکاي تىقت بركتىرغ كىد أنت دان بولىيە دفرچىي. قىنڈىلە مرييك دعن قىداشىن كاسىيە سايغ، دغۇلە مىسەلە أنت-أنت دعن هاتى تۈرك، مېلىكى راس امېتى دان بىرلىك سوکوغان يەعوسى افبىلا مرييك مېرلۈكىن، سوکوغلە دان جاڭلە أنت كىت سوقاپا مرييك دافت مېسىر دعن مغۇبىاي فندىرىن دان كىرىدى

جماعه يغ درجمي الله، بىرتوسى له كىت كىحضرە الله شيخالله تعالى دعن مېغىكتىكىن كلىمان كىدىن. سسۇڭوھن اورغ يغ فالىغ ملیا دىسىسى الله شيخالله تعالى ايت اىالە اورغ يغ فالىغ بىرتوسى. موده-مودەن كىت منجادى إنسان يغ سنتىپاس مغايىتى الله شيخالله تعالى، براولە كىچىان دان كىسلامن دن جوك داخىرە.

جماعه يغ درجمي الله، أنت-أنت ادارە انتارا نعمت تربىس كورنىان الله شيخالله تعالى كىد كىت يغ جوك مروفاكىن امانە دان تىشكۈغحواب يغ دېرىكىن كىد اىبو باف. اي داڭىزكەن اولە الله شيخالله تعالى اوتنوق مغوجى همبا-همبا، افاكە دعن اكىن منمې كەتۋان كىد الله شيخالله تعالى سىرت منشوکورى نعمت يغ تله دېرىكىن، دىمىقىغ ملقساكىن حق دان كواچقىن يغ الله شيخالله تعالى تىشكىن. فرمان الله شيخالله تعالى دالم سورة الأنفال، آية ٢٨:

دان كەھرىبىلە بەهاوا هەرتا بىندا كامو دان أنت-أنت كامو ايت هاپلە سپاکاي فىتىنە (أوجىن)، دان سسۇڭوھن دىسىسى الله جوالە فاھلا يغ بىر.

سپاکاي إيبو باف، فنجاك، سرتا اشگۇتا مشاركت، كورنىان نعمت يغ بىر اين قىلولە دتاتاي دعن سپاپاكن كوان مرييك سلاين مروفاكىن أسيت بىرھەن كىد اىبو باف، جوك سپاکاي أسيت بىغا دان نكارا. إسلام تله مىرىك فرھاتىن يغ بىر ترهداف فرليندونغ حق أنت-أنت يغ ملىقىتى روحانى دان جىسمانى، إيتلىكىتوال، أخلاق، إيكونومى دان سپاکاين سەھىشكىن نىتى قۇرتىنىسى-قۇرتىنىسى مرييك دكەمېشىكىن سجارا قۇسىتىف اكىر منجادى مانسى سپاکىمان يغ دكەنەقى الله شيخالله تعالى يعى منجادى همبا الله شيخالله تعالى سكالىكوس خەلیفة دەمۈك بۈمى.

جماعه يغ درجمي الله، ادا قۇن حق يغ فالىغ اساس باكىي ستىاف أنت اىالە حق اوتنوق هيدوف. الله شيخالله تعالى بىر فرمان دالم سورة الإسراء، آية ٣١:

دان جاڭلە كامو مېبونوھ أنت-أنت كامو كران تاکوتىكىن كەفافان، (سېنەن) كامىلە يغ مغۇرۇماكىن رزقىي كىد مرييك دان كىد كامو. سسۇڭوھن مېبونوھ مرييك اىالە سواتو دوسا يغ بىر.

برداشىن كىت تىرسوت، سسۇڭوھن تىاد أنت يغ هاروس دنافىكىن حق اوتنوق هيدوف، سام اد دىسىكىن كەمېسەن، قىتابىيان اتاو قىراغش. كىت مىسىي بىرأوسها اوتنوق مليندوغى كەيدوون أنت-أنت دعن دېرىكىن قروان، قىلىھاران دان قۇڭاسوھن يغ بىمەقورنا. قېبىتىقىن جىوا كانق-كانق دەغاروھىي اولىھا جارا فنجاكاڭ دان أسوھن سەحق مرييك دلاھىر كىن سەقىي متىجىل دىواسا اكىر تومبوا سوبور منجادى إنسان يغ برکونا. حق يغ فرلو دجاڭ جوك اىالە حق كانق-كانق اوتنوق مغۇبىاي

Tingkatkan kesedaran, kefahaman tentang isu kesihatan mental

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



CERAMAH Kesihatan Mental bertajuk 'Mental Health Awareness' disampaikan oleh Noresamsiah binti Haji Md. Hussin (Mcouns Counselling – Interpersonal Dialogue).

GADONG, Sabtu, 23 November. - Badan Tertinggi Didikan Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Ceramah Kesihatan Mental bertempat di Dewan Serbaguna Pusat Latihan

Polis, Ibu Pejabat Gadong baru-baru ini.

Ceramah Kesihatan Mental yang bertajuk 'Mental Health Awareness' telah disampaikan oleh Noresamsiah binti Haji Md. Hussin (Mcouns Counselling –

Interpersonal Dialogue).

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong, selaku Pengurus PEKERTI.

Juga hadir sama, Pengurus Badan Tertinggi Sukan PEKERTI, Nur Akmalia binti Leftenan Kolonel (B) Awang Iskandar dan Pengurus Badan Tertinggi Didikan PEKERTI, Dayang Hajah Annisah binti Haji Bahar.

Matiamat Majlis Ceramah Kesihatan Mental adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang isu kesihatan mental dalam kalangan masyarakat dan orang sekeliling dan juga untuk mengutamakan kesihatan mental seorang individu supaya mendapatkan bantuan apabila diperlukan.

Objektif majlis adalah untuk memberikan maklumat tentang kondisi seseorang individu mengenai kesihatan mental, gejalanya dan kesannya terhadap individu dan juga komuniti.



HADIR selaku tetamu kehormat majlis, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong, selaku Pengurus PEKERTI.

Selain untuk menangani dan mencabar mitos dan salah anggapan tentang kesihatan mental untuk mewujudkan persekitaran yang lebih menerima dan memahami dan menyokong

akan kepentingan kesihatan mental sebagai sebahagian daripada kesejahteraan individu serta untuk menekankan penjagaan diri sendiri (*selfcare*) dan sokongan komuniti.

PRODUK KOSMETIK DICEMARI BAHAN TERLARANG

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan satu produk kosmetik yang mana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk tersebut dicemari dengan bahan terlarang / bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956 yang tidak disyitiharkan.

Produk kosmetik tercemar yang berkenaan adalah Baby Shine 3 In 1 - Treatment Night Cream, pengilang buatan

Malaysia yang dicemari dengan Hydroquinone.

Bahan-bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian

kulit yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan produk tersebut dan/atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk tersebut.

Berikutnya daptan ini, produk-produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta-merta.

Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas menggunakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk tersebut (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak

melebihi BND5,000; penjarah tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.


Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai

boleh menghubungi Bahagian Komplians dan Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208; menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong A; atau hubungi Talian Darussalam 123.



PRODUK kosmetik Baby Shine 3 In 1 - Treatment Night Cream, pengilang buatan Malaysia yang dicemari dengan Hydroquinone (atas dan kanan).



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Keraajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



⚠ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak mpenetapi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

TIDAK DIPERAKUKAN

MEMBUDAYAKAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Putat

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. – Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Kampung Putat hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran buat kali pertama bagi seramai 24 ahli Muslimah masjid yang berlangsung di Masjid Kampung Putat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pengiran Datin Hajah Mas Relawati @ Khadijah binti Pengiran Mohd Said, isteri Timbalan Mufti Kerajaan, Jabatan Mufti, Jabatan Perdana Menteri.

Turut hadir ialah isteri Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammed, yang juga selaku Ketua Kampung Putat; tenaga pengajar Kelas Bimbingan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah, Sungai Kebun; para Muslimah Masjid Kampung Putat; Muslimah Masjid Kampung Kasat dan Muslimah Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun.

Dalam ucapan alu-aluan

Pengerusi Bersama, Dayang Hajah Kasmah binti Haji Hashim menjelaskan bahawa Kelas Bimbingan Muslimah (KBM) Masjid Kampung Putat mula ditubuhkan pada 18 Januari 2017 dengan keramaian Muslimah adalah seramai 19 orang.

Menurutnya, KBM berkenaan diadakan pada setiap pagi Rabu dan kebanyakannya pelajarnya adalah terdiri daripada warga emas. Sebelum ini, KBM pernah diadakan pada Jumaat untuk memberi ruang kepada Muslimah yang masih bekerja.

Pada ketika ini tambahnya, keramaian ahli Muslimah adalah seramai 26 orang dan walaupun para Muslimah kebanyakannya terdiri daripada warga emas, tetapi mereka mempunyai semangat tinggi untuk belajar selain penyeri bagi meramaikan Kelas Bimbingan berkenaan.

"KBM adalah sebagai wadah dan ruang silaturahim, yang kebetulan hampir semua ahlinya mempunyai tali persaudaraan, walaupun ada di antara mereka

tinggal di kampung lain.

"KBM juga memberi peluang kepada Muslimah untuk menuntut ilmu agama (Al-Quran dan pengetahuan agama Islam yang lain) seperti di masjid-masjid seluruh negara," ujarnya lagi.

Dayang Hajah Kasmah seterusnya menjelaskan KBM mengambil inisiatif dengan menggunakan aplikasi WhatsApp, iaitu membuat satu kumpulan sebagai wadah untuk mencatat, memotivasi dan mengingati para ahli dengan format satu juzuk 10 hari bermula pada 1 Jun 2022.

"Alhamdulillah pelajar yang sudah mampu membaca Al-Quran dengan agak lancar sangat bersemangat mengikut kumpulan ini. Peramba kami percaya semua peserta khatam pada hari ini sudah berjaya mengkhatamkan bacaan Al-Quran 30 juzuk, dan ada yang sudah memasuki fasa kedua.

"InsyaaAllah usaha seperti ini akan diteruskan lagi dengan membawa Muslimah-muslimah yang baharu bergabung dan mampu membaca Al-Quran



ISTERI Timbalan Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Kampung Putat (atas). Manakala gambar bawah, para peserta Khatam Al-Quran yang diraikan.



dengan baik," katanya lagi.

Majlis Khatam Al-Quran KBM berobjektif untuk memupuk rasa cinta kepada Al-Quran dalam kalangan Muslimah serta meraikan para peserta khatam Al-Quran Muslimah Masjid Kampung Putat.

Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari dalam kalangan Muslimah serta meraikan para peserta khatam Al-Quran Muslimah Masjid Kampung Putat.

Memelihara warisan budaya permainan tradisional

Berita dan Foto : Aimi Sani

BERIBI, Ahad, 24 November. – Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Bahagian Pengakap Tunas mengganjurkan Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024: Karnival Permainan Berbentuk Tradisi dan Sejarah Serta Istimadat

Meningkat Naik Pengakap Tunas Ke Bahagian Pengakap Muda.

Bersempena Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024, program yang dirancang merupakan karnival permainan berbentuk tradisi dan sejarah. Acara yang diadakan adalah untuk mempromosi aktiviti luar dan meningkatkan kesedaran tentang

pentingnya permainan tradisional dan sejarah dalam kalangan kanak-kanak.

Acara berkenaan bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama, disiplin dan kemahiran sosial dalam kalangan peserta. Selain itu, karnival berkenaan juga menjadi platform untuk memperkenalkan dan memelihara warisan budaya yang kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional.

Di samping itu juga di akhir kegiatan karnival, Bahagian Pengakap Tunas akan mengadakan Majlis Istimadat Meningkat Naik Ke Bahagian Pengakap Muda kepada ahli-ahli Pengakap Tunas Tahun 6, tahun 2024 berpindah ke Tahun 7, tahun 2025 sebagai menghargai sumbangan penglibatan mereka sebagai seorang ahli Pengakap Tunas.

Adapun antara objektif karnival berkenaan dianjurkan adalah bagi mewujudkan serta meningkatkan kesedaran dan mengenal tentang permainan tradisional dan sejarah serta kepentingannya dalam pembangunan kanak-kanak, menggalakkan pembangunan kemahiran kanak-kanak untuk mengasah kemahiran fizikal dan mental melalui pelbagai aktiviti sukan dan permainan, meningkatkan penglibatan masyarakat dan ibu bapa dalam aktiviti luar bagi kanak-kanak, serta menggalakkan dan memupuk semangat kesukanan dan kerjasama dalam kalangan peserta.

Karnival berkenaan diadakan bermula jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang dan diisikan dengan pelbagai program di antaranya permainan berbentuk sejarah yang dikendalikan oleh Pusat Sejarah Brunei (PSB), Pertandingan Mewarna, permainan-permainan tradisi seperti Congkak, Tinting, Batu Simban, Salok-salokan, Dam dan lain-lain.



SUASANA sekitar Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia 2024 : Karnival Permainan Berbentuk Tradisi dan Sejarah serta Istimadat Meningkat Naik Pengakap Tunas ke Bahagian Pengakap Muda (atas dan bawah).

Acara kemuncak pada sebelah petang pula adalah Istimadat Meningkat Naik Pengakap Tunas Ke Bahagian Pengakap Muda.

Antara kepentingan Istimadat Meningkat Naik bagi Pengakap Tunas yang akan menyertai Pengakap Muda adalah sebagai Tanda Peralihan. Istimadat berkenaan menandakan peralihan formal daripada Pengakap Tunas ke Pengakap Muda, memberi rasa pencapaian dan tanggungjawab yang baharu kepada ahli yang terlibat.

Selain itu, istiadat berkenaan mengiktirafkan kemajuan Pengakap Tunas terhadap usaha, pencapaian, dan perkembangan kemahiran yang telah dicapai semasa berada di tahap Pengakap Tunas.

Istimadat berkenaan juga adalah persediaan untuk cabaran baharu untuk ahli yang beralih ke Pengakap Muda menjadi titik permulaan untuk menghadapi cabaran yang lebih besar dan peluang baharu yang akan ditempuhi di peringkat Pengakap Muda.

Karnival permainan berbentuk tradisi dan sejarah berkaitan adalah satu platform yang ideal untuk mempromosi aktiviti sihat dalam kalangan kanak-kanak sambil memelihara warisan budaya permainan tradisional.

Melalui penglibatan aktif orang dewasa dan kanak-kanak, karnival berkenaan diharap dapat mencapai objektifnya dalam memperkaya pengalaman dan memupuk nilai-nilai positif dalam diri peserta.



Miliki rokok, vape : Lelaki tempatan didenda

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman ke atas seorang lelaki warga tempatan atas dua pertuduhan memiliki 47 paket rokok pelbagai jenis dan tiga pod vape pelbagai jenis.

Majistret, Abdul 'Azim bin Othman menjatuhkan hukuman terhadap Muhammad Noor Azim bin Samrey, 31 tahun setelah mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda BND20,000 atau 20 bulan penjara, jika gagal membayar denda.

Defendant ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) Cawangan Kuala Belait, di kawasan Letak Kereta Lot Jubli Perak Kuala Belait dan di sebuah rumah di kawasan RPN Kampung Panaga Seria pada 8 Februari 2023.

Kesemua barang yang terlibat iaitu rokok dan vape dirampas untuk diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JKED di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006.



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
28 / NOV / 2024 /
KKBS / PJK / 16.80

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months)
for Cleaning, Housekeeping
and Upkeeping Works at
Sinarubai Storage Area,
Ministry of Culture, Youth and
Sports,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
27 / NOV / 2024 /
KKBS / PJK / 16.80

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months)
for Grass Cutting and
Tree Cutting Works at Sinarubai
Storage Area,
Ministry of Culture,
Youth and Sports,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
17 / NOV / 2024 /
KKBS / PJK / 16.14

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pengubahaian
bagi Pusat Panggilan
Jabatan Pembangunan
Masyarakat, Tingkat 1,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024,
Jam 2.00
Petang.



Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
22 / NOV / 2024 /
KKBS / PJK / 16.14

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan dan Pemasangan
Kabinet Pejabat Timbalan
Setiausaha Tetap
(Kebudayaan)
Tingkat 7,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga:
08 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Membekal Baju Melayu bagi
Pembawa-Pembawa Bendera
Besar bagi Upacara Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam Ke-41,
Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
12 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply of New Participant's Props
for 41st Brunei Darussalam's
National Day Celebration, 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran:
UBD / E8 / 006 / 2024 – (T)

Keterangan:
Tawaran bagi Pengendalian Kafe
di PAPRSBIHS Extension
Building,
Universiti Brunei Darussalam
[Bagi Tempoh 3 Tahun]

Bayaran Tawaran:
Bayaran Dokumen & Pentadbiran
(termasuk e-Dokumen):
BND35.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran :**
MINDEF / DFA / FY2024 /
LB / TA / 042
Pembelian Outer Cover,
Runflat Tyre dan
Tyran Seal
bagi Kenderaan Renault
VAB termasuk Pemasangan
dan Wheel Balancing

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran**
adalah lima (5) hari
sebelum tarikh tutup tawaran,
iaitu
Selasa, 5 Disember 2024.

**Tarikh
Tutup Tawaran :**
Selasa,
10 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 12 / 2024-2025

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan
Pengawal Keselamatan
(Security Guard Services)
ke atas Bangunan Kementerian
Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan Selama
2 (Dua) Tahun

**Tarikh Tutup
Sebut Harga :**
Khamis,
12 Disember 2024
Jam 2.00 Petang

Tarikh Taklimat:
Selasa,
3 Disember 2024
Jam 9.00 Pagi

**Yuran Setiap Satu
Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran adalah secara dalam
talian



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
BBS / TOC / GCKBSMA(5) /
2025 – 2028

Keterangan Projek:
Three (3) Years Term Contract for
Grass Cutting in Kuala Belait
& Seria Municipal Area
(Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam)

Bilangan Tawaran:
BBS / TOC / RCKBMA (4) /
2025 – 2028

Keterangan Projek:
Three (3) Years Term Contract
for Rubbish Collection in
Kuala Belait Municipal Area
(Dibukakan kepada pemborong
yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Disember 2024.
Jam 2.00 Petang.



MOE / LTK / 86 / 2024 / 2025

(BHSE-NOV-2024)

To Supply, Deliver,
Install, Commission,
Test Mandatory Life
Support Equipment
and Accessories
To 35 Schools and
5 Departments under
Ministry of Education.

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :
26 November 2024.
- Selasa.
[Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang]





Bilangan Sebut Harga:
05 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan, Penghantaran,
Pemasangan dan Membuka Giant
Backdrop sempena Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Ke-41, Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
07 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan, Pemasangan Dan
Membuka 40ft X 20ft Billboard
Sempena Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam
Ke-41, Tahun 2025

Bilangan Sebut Harga:
10 / KKBS / HK41-2025

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Pengangkutan dan
Penghantaran Kerusi-Kerusi VVIP
dan VIP Sempena Sambutan
Ulang Tahun Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Ke-41, Tahun 2025

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0038 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Supply and Delivery
of Laboratory
Chemicals and Consumables

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
12 Disember 2024.
Jam 2.00
Petang.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi :
1. General Repair Of Mercedes Atego BG 4294
(RUJ: JBP / TSH / 51 / 2024 - 2025)

2. Repair Of Main Pump Bearing Shaft
(RUJ: JBP / TSH / 52 / 2024 - 2025)

3. Service And Repair 2 Units Scania P310 BG 5044 And BG 5066
(RUJ: JBP / TSH / 53 / 2024 - 2025)

4. General Repair Of Volvo FL10 BG 3845
(RUJ: JBP / TSH / 54 / 2024 - 2025)

5. General Overhaul Engine Mitsubishi Pajero BG 3065
(RUJ: JBP / TSH / 55 / 2024 - 2025)

6. General Repair Of Mercedes Sprinter BG 968
(RUJ : JBP / TSH / 56 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 28 November 2024.
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
07 / BBS / SDVTPJBKBS / 2024-2025

Keterangan Projek:
Supply and Delivery of Vacuum Truck Parts BG 5067 for Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

Bilangan Tawaran:
08 / BBS / SDSEGTJBKBS / 2024-2025

Keterangan Projek:
Supply and Delivery of Safety Equipment and Gardening Tool for Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III (II & III) sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 012 / 2024
– (CDE).T.III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Menaik Taraf Sistem Longkang Di Simpang 325-4, Jalan Binglu RPN Kg. Tanah Jambu

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
3 Disember 2024

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Disember 2024.
Tidak lewat dari
jam 2.00
Petang.



Dibuka Kepada
Pembekal-Pembekal
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
Pembekal-Pembekal Yang Diluluskan Sahaja

Kategori :
P02 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
26 November 2024.

Tarikh Tutup Tawaran:
3 Disember 2024.

Bil Tawaran:
JKR / DWS / 036 / 2024

Tajuk:
Membekal dan Menghantar 6,000 Ton Metric Hydrated Lime Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - 2024

Yuran Tawaran:
BND500.00
Tidak dikembalikan



Dibuka Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas :
III, IV

Kategori :
KA01
Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 26 November 2024

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 39 / CQS / 2024-T / III

Nama Projek:
Earthworks Of Perdayan, Temburong

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 10 Disember 2024.
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.**

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



KUKUHKAN PENGUASAAN BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. — Bagi memupuk minat dan meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar, Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah

(SMALHB) pagi tadi mengadakan Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) dengan tema 'Maqasid Syariah'.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti

Haji Jamil.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa, disusuli ucapan daripada Pengetua SMALHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad selaku Pengurus Majlis.

Kemudian majlis diteruskan dengan persembahan serta tayangan video pemenang, diikuti penyampaian hadiah dan lawatan ke petak pameran.

Pemilihan tema tersebut juga adalah bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan Maqasid Syariah dalam pembelajaran, kerjaya dan kehidupan sehari-hari warga sekolah.

Bagi mencapai objektif program, pihak sekolah telah menganjurkan Pertandingan Mencipta Infografik (Kategori Individu) dan Pertandingan Mencipta Video (Kategori Kelas) yang dibukukan kepada para pelajar sekolah berkenaan.

Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) merupakan salah satu inisiatif Jabatan Pengajian Islam dikendalikan oleh



TETAMU khas, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil menyempurnakan penyampaian hadiah (atas) dan seterusnya melawat ke petak pameran pada Program Hayya Ilal 'Arabiyyah (Mari Berbahasa Arab) Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (kiri).

sekolah-sekolah Arab bagi mengukuhkan penggunaan bahasa Arab di samping untuk memupuk semangat daya saing yang sihat dalam kalangan pelajar sekolah-sekolah Arab.

SR YSHHB raikan murid capai kecemerlangan



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB), Dayang Hajah Suciyyati binti Haji Sulaiman.

BERAKAS, Sabtu, 23 November. — Seramai 118 murid Tahun 1 hingga Tahun 5 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik diraikan pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik di Dewan SR YSHHB, pagi tadi.

Hadir pada majlis tersebut selaku tetamu kehormat ialah Pengurus Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SR YSHHB, Dayang Hajah Suciyyati binti Haji Sulaiman.

Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi berkata, majlis tersebut adalah sebagai sumber inspirasi, motivasi dan penggalak kepada murid-murid untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam pembelajaran mereka.

Selain itu, jelas beliau, hadiah Progressive Award juga akan disampaikan kepada lima orang pelajar yang dibantu oleh Learning Support Centre (LSC) sekolah berkenaan, juga Hadiah Penghargaan Renaissance kepada 10 orang pelajar yang dibahagikan kepada dua kategori

iaitu Perpustakaan Digital MyOn dan Penilaian Star Assessment.

"Secara keseluruhan, analisa keputusan Peperiksaan Akhir Tahun 2024 telah menunjukkan keputusan cemerlang dengan lebih daripada 90 peratus pelajar lulus dalam tiga mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Melayu Islam Beraja.

"Bagi mata pelajaran Sains Tahun 1, 2, 3, 4 dan 5, 93 hingga 99 peratus pelajar lulus.

"Sementara Tahun 4, 80 peratus pelajar lulus mata pelajaran Sains," katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada Pelajar Terbaik 2024 dan Pelajar

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Terbaik Keseluruhan daripada setiap peringkat.

Bagi Anugerah Pelajar Terbaik Keseluruhan SR YSHHB, hadiah disampaikan kepada Khayreen Hauna binti Mohamad Helmme bagi Tahun 1; Mu'izzuddin Hanif bin Azwan, Tahun 2; Nur Qisyah Aqeela@Qisyah Aisyah Umaira binti Abdul Razak, Tahun 3; Hana Khairiyah binti Muhamad Khairuddin, Tahun 4; dan Khaira Huwaina binti Mohamad Helmme, Tahun 5.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Tarian daripada Kelab Tarian SR YSHHB.



PENGETUA SR YSHHB, Dayang Hajah Mariam binti Haji Ladi semasa berucap.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Tingkatkan Ekonomi Menerusi Bidang Pertanian'. Tarikh Tutup : 27 November 2024
- 'AI Membawa Kebaikan Atau Keburukan?'. Tarikh Tutup : 4 Disember 2024
- 'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menan
BND7
SETIAP MIN

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda seka



TETAMU kehormat majlis bergambar ramai bersama sebahagian murid Tahun 1 hingga Tahun 5 SR YSHHB yang diraikan pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik.

IMBASAN MINGGUAN

SEBAHAGIAN jemputan menyaksikan Pameran Variation and Autonomy : The Prints of Contemporary Japanese Painters diadakan di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

PARA pensyarah dan ahli akademik berarak masuk pada Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Ke-14, Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Alishahrin Haji Mumin

GRADUAN cilik daripada Taman Asuhan Tiga (TA3) bagi Tahun 2024 diraikan pada Majlis Mini Konvokesyen Kali Ke-26 setelah berjaya menamatkan pembelajaran Program Pendidikan Awal Kanak-kanak selama tiga tahun di Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB). - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



SALAH seorang peserta yang menyertai Pertandingan Kemahiran Kebangsaan 2024 iaitu menyediakan, memasak dan menyampaikan tiga hidangan khusus mereka kepada panel hakim dalam masa enam jam yang diadakan di Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN daripada atlet pelajar yang berentap pada Acara Pembukaan Rasmi Kejohanan BDSG yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENINGKATKAN KEMAHIRAN AL-QURAN BELIA TEMPATAN



ANTARA peserta muda berusia 8 hingga 14 tahun yang menyertai Pertandingan Azan dan Hafazan Surah Pendek anjuran bersama Majlis Belia Brunei dan Projek #INFAQ1 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Seramai 33 peserta muda berusia 8 hingga 14 tahun telah menyertai Pertandingan Azan dan Hafazan Surah Pendek anjuran bersama oleh Majlis Belia Brunei dan Projek #INFAQ1 sebagai aktiviti bagi kelas

terakhir bagi Tahun 2024 bagi Projek Muqaddam, baru-baru ini.

Pertandingan ini juga bersempena dengan Hari Bertindak anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pertandingan itu telah menampilkan golongan muda yang

berbakat untuk mengambil bahagian dalam pelbagai kategori, termasuk bacaan azan dan surah-surah terpilih daripada Al-Quran.

Projek Muqaddam merupakan Kelas Mengaji yang diadakan setiap minggu bagi kanak-kanak

■ Berita dan Foto : Ihsan Majlis Belia Brunei



yang tinggal di Kampung Sungai Pandan dan sekitarnya. Projek ini merupakan sebuah inisiatif komuniti yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Al-Quran belia tempatan, bukan sahaja tertumpu kepada peningkatan keupayaan peserta membaca Al-Quran tetapi juga menyediakan ruang yang bermakna untuk anak muda dari Kampong Ayer untuk berkumpul, melibatkan diri dalam komuniti melalui aktiviti membina

dan mendalami hubungan rohani mereka.

Melalui Projek Muqaddam dan Pertandingan Azan dan Hafazan ini menjadi bukti pentingnya menyediakan peluang kepada golongan muda untuk berhubung dengan kepercayaan mereka sambil membina ikatan dalam komuniti mereka. Selain itu, memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memperkenalkan kemahiran mereka.

Operasi Kabat Bersepadu kesan pelbagai kesalahan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) Cawangan Bandar Seri Begawan dan Cawangan Kuala Belait telah mengendalikan Operasi Kabat Bersepadu 130/2024 di rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Sengkurong, bersama agensi-agensi dari Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Buruh, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) dan juga unit-unit di bawah Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) iaitu Balai Polis Sengkurong, Balai Polis Pusat, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dan INTERPOL.

Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, seramai 57 orang telah pun diperiksa. Agensi-agensi telah pun membawa penemuan kepada perkara berikut iaitu Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, JIPK telah menahan dan membawa 11 warga asing bagi siasatan lanjut kerana gagal mengemukakan sebarang dokumen yang asal.

Sementara, JKED telah mengeluarkan notis rampasan kepada tujuh warga asing iaitu di bawah Bab 146, Perintah Eksais 2006 di atas kesalahan memiliki rokok. Kesemua individu diarahkan untuk melaporkan diri ke JKED.

Jabatan Buruh telah pun membuat pemeriksaan ke atas 18 syarikat dan hasil daripada dapatan awal mendapati syarikat-syarikat



PEGAWAI-Pegawai Penguatkuasa semasa melaksanakan Operasi Kabat Bersepadu 130/2024 di rumah dan bilik-bilik sewa di Mukim Sengkurong, di mana seramai 57 orang telah diperiksa dan hasil operasi turut mendapati pelbagai kesalahan.

berkaitan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Perintah Pekerjaan 2009 iaitu; Bab 10 iaitu majikan tiada menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 39(2) iaitu gagal membayar gaji lebih masa pekerja; Bab 63 iaitu gagal memberikan cuti rehat; Bab 65 iaitu melebihi jam kerja yang ditetapkan; Bab 70 iaitu gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan.

Juga didapati kesalahan di bawah Akta Perintah Pekerjaan 2009 iaitu; Bab 80 iaitu gagal menyediakan tempat tinggal dan pengurusan kebersihan persekitaran; Bab 86 iaitu menempatkan pekerja asing tidak mengikut penempatan kerja atau penempatan tempat tinggal seperti

yang dibenarkan dalam Lesen Pengambilan Pekerja Asing syarikat; Bab 112 iaitu kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pengambilan Pekerja Asing dan Bab 113(A) iaitu gagal menyediakan perlindungan insurans pekerja.

Manakala tiada sebarang kesalahan didapati daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh unit-unit PPDB, JSJ, JKDN, Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan BKN.

Operasi Bersepadu ini adalah salah satu usaha berterusan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam misi membanteras dan membendung kegiatan-kegiatan yang melanggar undang-undang

peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di negara ini.

Sementara itu, JIPK mengongsikan satu kes pendakwaan iaitu Eman Hossain, lelaki warganegara Bangladesh berumur 30 tahun telah pun dijatuhan hukuman penjara selama lima bulan bermula daripada tarikh beliau direman iaitu pada 7 November 2024 dan tiga kali sebantuan atas kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam setelah Pas Imigresennya mansuh.

Pendakwaan dibuat di hadapan Majistret, Hajah Normazdina Haji Md. Maskub dan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa JIPK, Adi Yusra bin Haji Adanan.

Graduan KUPU SB zahir rasa syukur, kongsi kejayaan

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Pengiran Haji Muhammad Firdaus bin Pengiran Haji Rusman, Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

"Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya memberikan saya peluang untuk menghabiskan pengajian peringkat Doktor Falsafah. Sepanjang pengajian cabaran yang dihadapi adalah apabila menyiapkan tugas akhir yang diberi di mana saya perlu memberanikan diri untuk pergi ke sana ke mari dan membuat perjumpaan demi mendapatkan data maklumat berupa kajian penulisan yang dijalankan. Dengan berbekalkan ilmu yang ada ini juga akan saya curahkan kepada sesiapa yang memerlukan dan saya akan sentiasa berusaha untuk mengembangkan lagi kemahiran diri bagi memberikan didikan terhadap masyarakat kitani".

Awang Haji Ahmad Eskandar bin Haji Abdul Hamid, Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah, KUPU SB

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pentadbiran Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Jabatan Pengajian Islam kerana memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian sambil bertugas sebagai guru, serta kepada keluarga, terutama isteri saya yang banyak memberikan sokongan moral dan fizikal. Perasaan saya sangat bercampur baur apabila menerima ijazah ini, di mana saya bersyukur dan berbangga kerana berjaya mengharungi cabaran yang datang, terutamanya dalam mengimbangi tugas sebagai guru dan pelajar.

Selain itu, sistem universiti yang kadang-kadang kurang fleksibel memberi cabaran tersendiri, namun saya berharap ia dapat diperbaiki. Harapan saya selepas ini adalah untuk terus berkembang dalam kerjaya perguruan, memberi sumbangan lebih besar dalam pendidikan, dan melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah, selain terus memperbaiki diri dalam aspek kepimpinan, pengurusan kelas, dan teknologi pendidikan. Saya juga berharap untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi jika diberi peluang".

Awang Mohammad Khairul Mu'in bin Haji Noor Hisham, Diploma Pengajian Seni Al-Quran, KUPU SB

"Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah memberi saya kekuatan dan kesabaran untuk menamatkan pengajian saya dalam Diploma Seni Al-Quran. Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, saya dapat mencapai kejayaan ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan dan dorongan tanpa henti. Juga kepada para pensyarah, yang telah berkongsi ilmu dan pengalaman mereka dengan penuh keikhlasan. Tidak dilupakan, rakan-rakan seperjuangan yang telah menemani perjalanan ini dengan semangat dan persahabatan yang erat.

Cabaran yang saya hadapi sewaktu menuntut ilmu dalam bidang ini sangat mencabar. Di samping menuntut ilmu, saya diamanahkan oleh guru saya untuk turut serta dalam Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Belia Kebangsaan. Amanah ini membawa tanggungjawab yang besar, di mana saya perlu membahagikan masa antara kelas akademik, latihan intensif dan aktiviti harian. Kepercayaan yang diberikan oleh guru saya, mendorong saya untuk berusaha lebih gigih dan mengatasi segala rintangan demi mencapai kejayaan. Semoga ilmu yang telah saya peroleh menjadi asbab kebaikan dan keberkatan dalam hidup saya serta mampu memberikan manfaat kepada masyarakat. Saya berdoa agar Allah terus memberi petunjuk dan hidayah-Nya untuk saya mengamalkan dan menyebarkan ilmu Al-Quran dengan penuh tanggungjawab".

Dayang Nur Afiqah binti Awang Damit, Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) - Dengan Minor Pendidikan Awal Kanak-Kanak, KUPU SB

"Alhamdulillah, syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan saya dalam menamatkan pengajian selama empat tahun. Terima kasih yang tidak terhingga buat ibu bapa saya atas sokongan dan doa yang tidak pernah putus. Tidak lupa juga diucapkan penghargaan kepada pensyarah serta rakan-rakan yang menjadi tulang belakang sepanjang perjalanan pengajian saya. Saya merasa sangat bersyukur dan ianya adalah satu perasaan yang tidak dapat digambarkan.

Cabaran terbesar sepanjang pengajian saya ialah ketika musim COVID-19. Peralihan kepada pembelajaran dalam talian tidak mudah, dengan masalah seperti akses Internet, pengurusan masa, dan tekanan emosi. Alhamdulillah, berkat usaha dan doa, saya berjaya mengatasi cabaran tersebut dan berdiri di sini hari ini. Harapan saya adalah untuk memanfaatkan ilmu yang diperoleh untuk memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dan negara. Saya juga berharap dapat terus belajar, sama ada secara formal atau melalui pengalaman, agar sentiasa relevan dalam dunia yang semakin mencabar. Semoga ijazah ini menjadi langkah awal untuk mencapai kejayaan lebih besar pada masa hadapan".

Dayang Khairulisa Zafirah binti Haji Khiruddin, Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Islam) - Dengan Minor Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, KUPU SB

"Alhamdulillah setelah lamanya saya menempuh perjalanan di peringkat universiti ini, saya amat berterima kasih kepada pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KUPU SB kerana memberikan biasiswa dan keselesaan dalam meneruskan pengajian di KUPU SB, dalam kesempatan yang sama, saya juga ingin berterima kasih kepada para *murabbi* yang tidak dapat saya sebutkan nama mereka satu persatu kerana telah mendidik saya dan mengongsikan ilmu-ilmu yang amat berharga kepada kesemuanya anak didik mereka dengan ikhlas dan penuh rasa kesabaran. Di sepanjang saya menjalankan pengajian dan dalam masa yang sama saya dilantik sebagai Naib Yang Di-Pertua Pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2023 / 2024, saya banyak belajar tentang cara pengurusan masa sama ada sebagai seorang pelajar, seorang pemimpin dan sebagai anak. Dengan semua yang saya hadapi, saya dapat membanggakan kedua ibu bapa dengan segulung ijazah. Saya harap dengan segala ilmu dan pengalaman yang diperoleh ini akan dapat terus menjadikan saya insan yang dapat mendidik anak bangsa dengan penuh kesabaran dan keikhlasan seperti mana yang telah saya alami melalui para *murabbi* saya".

Dayang Nurul Allysa Nadhirah binti Azmi, Diploma Tertinggi Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), KUPU SB

"Pertama sekali, syukur ke hadrat Allah di atas rezeki yang telah diberikan kerana saya telah pun menamatkan pengajian saya. Tahniah diucapkan kepada para graduan dan rakan seperjuangan. Terima kasih diucapkan kepada kedua ibu bapa saya atas sokongan dan semangat yang tidak putus diberikan dari awal pengajian sehingga hari ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah pun memberi saya tunjuk ajar dan dorongan kepada kami sebagai pelapis guru di masa akan datang.

Saya amat bersyukur dan terharu kerana telah pun menamatkan pengajian saya. Semoga apa yang diperolehi ini akan dapat memberi manfaat dan kebaikan kepada generasi yang akan datang serta impak yang positif kepada masyarakat khususnya pelajar-pelajar di sekolah.

Antara cabaran yang dihadapi sepanjang pengajian ialah ketika saya menjalani latihan mengajar, pelbagai cara yang perlu diterokai untuk menarik dan mengembangkan minat pelajar tambahan pula di zaman era moden ini. Oleh itu, sebagai seorang guru, mestilah bergiat aktif dalam melahirkan pelajar yang proaktif dan berdaya saing mahupun dari segi akademik dan juga kokurikulum.

Harapan saya seterusnya adalah mampu untuk menyumbangkan kemahiran dan ilmu pengetahuan saya kepada generasi yang seterusnya agar mereka beroleh manfaat dan terbentuk menjadi individu yang berguna kepada agama, bangsa dan negara berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja".



Program Pemantapan Pedagogi Guru Ugama

Oleh : Kementerian Pendidikan & Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan & Kementerian Hal Ehwal Ugama

SIRI KETIGA

PADA siri yang lalu telah dijelaskan mengenai program pemantapan pedagogi guru ugama untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam konteks Pendidikan Islam daripada pihak Akademi Kepimpinan dan Guru Brunei Darussalam (BDLTA) dan Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education (SHBIE).

Untuk siri kali ini, kita mendekati guru-guru ugama yang telah mengikuti bengkel berkenaan.

GURU : AWANG SHAHNON BIN HAJI BASMAN, SR PGGMB SUNGAI AKAR

S: Bagaimanakah bengkel ini membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan cikgu dalam mengajar Pendidikan Islam?

J: Bengkel ini memberikan saya kemahiran pelbagai kaedah dan strategi pengajaran yang dapat meningkatkan keberkesan pengajaran saya dengan cara penerangan, praktikal dan pemberian tugas di samping itu juga berkongsi pelbagai strategi pembelajaran dan

pengajaran dengan peserta-peserta bengkel yang lain.

S: Apakah perubahan positif yang cikgu rasakan selepas mengikuti bengkel-bengkel pembangunan kapasiti ini?

J: Perubahan positif dalam diri saya selepas bengkel ini : Bertambah pengetahuan, idea dan inspirasi untuk mengimplementasikan teknik dan kaedah yang telah dipelajari dalam pengajaran dan pembelajaran; Meningkatkan motivasi bukan saja pada diri saya bahkan juga murid-murid.

S: Sejauh manakah sokongan yang diberikan oleh pihak sekolah dalam menghadiri bengkel-bengkel ini?

J: Pihak Jabatan Pengajian Islam melalui Ketua Unit Bahagian Swasta, Unit Kenaziran dan sekolah amat memberi sokongan kepada saya untuk menyertai bengkel-bengkel seperti ini.

GURU UGAMA : DAYANG RAHINAH BINTI RAHIM, SR SENGKURONG

S: Bagaimanakah bengkel ini membantu meningkatkan kemahiran dan

pengetahuan cikgu dalam mengajar Pendidikan Islam?

J: Bengkel ini boleh membantu saya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan saya dalam mengajar Pendidikan Islam melalui beberapa cara. Pertama sekali, bengkel ini memberikan pendedahan kepada teknik pengajaran yang terkini. Bengkel ini juga memperkenalkan saya kepada kaedah dan teknik pengajaran yang lebih efektif dan inovatif, yang boleh digunakan dalam bilik darjah.

Selain daripada teknik pengajaran, bengkel ini juga mendedahkan dan memberi maklumat mengenai penggunaan teknologi yang terkini dalam pengajaran. Kami diberi maklumat cara menggunakan alat teknologi terkini seperti aplikasi pendidikan, platform e-pembelajaran, dan sumber digital lain untuk menjadikan pengajaran Pendidikan Islam lebih interaktif dan menarik.

Bengkel ini juga mendedahkan dan memberikan maklumat supaya kami lebih peka dan faham dengan mendalam tentang kurikulum Pendidikan Islam, termasuk objektif pembelajaran dan cara menilai pencapaian pelajar dan disesuaikan dengan keperluan murid sekarang.

Kami juga didedahkan dengan cara untuk meningkatkan kemahiran komunikasi. Kemahiran ini kami asah melalui latihan dan simulasi. Kami dapat meningkatkan kemahiran komunikasi dengan pelajar, menjadikan pengajaran Pendidikan Islam lebih berkesan dan bermakna.

Bengkel ini juga menyediakan platform dan peluang untuk kami guru-guru ugama berkongsi pengalaman dan idea dengan rakan sejawat, yang boleh memberi inspirasi dan memperkayakan kaedah pengajaran.

S: Apakah perubahan positif yang cikgu rasakan selepas mengikuti bengkel-bengkel pembangunan kapasiti ini?

J: Selepas mengikuti bengkel-bengkel pembangunan kapasiti, saya merasa lebih yakin dalam mengaplikasikan teknik pengajaran baru dan menggunakan teknologi dalam bilik darjah. Dengan pengetahuan dan kemahiran baharu, saya boleh mengajar dengan lebih efektif dan menarik minat murid. Selain itu juga, bengkel ini memberi inspirasi kepada saya untuk mencuba pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif.

S: Sejauh manakah sokongan yang diberikan oleh pihak sekolah dalam menghadiri bengkel-bengkel ini?

J: Alhamdulillah, ketua guru dan pentadbiran sekolah memberikan galakan dan sokongan moral untuk terus meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui bengkel-bengkel ini.



RIBUT DIHADAPI FILIPINA BERKURANGAN TETAPI SEMAKIN KUAT



MANILA, 23 November. - Filipina kini menghadapi ribut yang semakin berkurangan tetapi bertambah kuat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, menurut jabatan cuaca negara itu pada Sabtu, lapor Agensi Berita Filipina(PNA).

Fenomena ini dikaitkan dengan pemanasan global, dan Pentadbiran Perkhidmatan Atmosfera, Geofizik dan Astronomi Filipina (PAGASA) menjangka

trend ini akan berterusan pada masa akan datang.

"Berdasarkan rekod sejarah, terdapat penurunan kekerapan siklon tropika di kawasan kita, tetapi berlaku peningkatan dalam jumlah taufan yang menjadi semakin intensif," kata Ketua Pemantauan dan Ramalan Iklim PAGASA, Dr. Ana Liza Solis, semasa bengkel media mengenai komunikasi bencana yang dianjurkan oleh Pejabat

Komunikasi Presiden.

Filipina sebelum ini mencatatkan purata 19 hingga 20 siklon tropika setiap tahun dalam tempoh 10 tahun lepas, kata Solis. Namun, situasi itu kini jarang berlaku.

"Ini bermakna secara sejarah, kita mengalami banyak taufan dan super taufan. Trend menunjukkan bahawa taufan dan super taufan kita kini semakin intensif," katanya.

Dengan trend ini dijangka berterusan seiring dengan peningkatan kesan perubahan iklim, Solis menekankan keperluan untuk merancang dan membangunkan strategi penyesuaian jangka panjang.

"Kita perlu menyesuaikan diri dan menjadi lebih berdaya tahan kerana situasi ini tidak dapat dielakkan. Kita perlu bersedia menghadapinya," katanya kepada PNA dalam satu temu bual berasingan.

Pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos Jr. sedang merangka pelbagai strategi untuk menangani kesan bencana

berkaitan iklim dalam jangka panjang. Langkah ini termasuk projek kerajaan seperti struktur kawalan pengurangan banjir, pembinaan sistem pengairan, dan inisiatif pemuliharan bagi lembangan sungai utama serta empangan.

Negara ini mencatatkan banyak kematian serta kerugian harta benda bernilai berbilion peso apabila enam siklon tropika melanda beberapa wilayah dalam tempoh dua bulan, dengan Super Taufan Pepito menyebabkan kerosakan paling teruk di Luzon. – ©BERNAMA

PGA rampas 10 kambing dimuat dalam guni cuba diseludup masuk dari negara jiran

KOTA BHARU, 24 Nov. - Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara merampas 10 ekor kambing bernilai kira-kira RM10,000 cuba diseludup masuk dari negara jiran, semasa menjalankan sekatan jalan raya di Banggol Kong, Pasir Mas, semalam.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik

Ab Hamid berkata haiwan itu ditemukan selepas pihaknya sebuah pacuan empat roda yang dipandu seorang lelaki berusia 29 tahun pada 10.30 pagi.

"Hasil pemeriksaan membawa kepada penemuan 10 ekor kambing dimuatkan di dalam guni, dengan berat keseluruhan kira-kira 400 kilogram. Kambing itu

diperdayai diseludup masuk dari Thailand untuk pasaran tempatan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan suspek serta barang rampasan dibawa ke Komtak PGA Jeram Perdah untuk tindakan selanjutnya. – ©BERNAMA

Mpox kekal sebagai kecemasan kesihatan awam global, kata Ketua WHO

ISTANBUL, 23 November. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, pada Jumaat mengumumkan bahawa virus mpox terus menjadi kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan dunia.

Jawatankuasa Kecemasan WHO telah bermesyuarat pada Jumaat untuk membincangkan virus itu, kata Tedros menerusi kenyataan di platform X, sambil menambah, "Mereka menasihati saya bahawa peningkatan kes mpox terus menjadi kecemasan kesihatan awam yang membimbangkan dunia - saya menerima nasihat itu."

Tedros menjelaskan bahawa

keputusan itu dibuat berdasarkan peningkatan bilangan kes, penyebaran geografi, cabaran operasi di lapangan dan keperluan untuk mewujudkan serta mengekalkan tindak balas yang konsisten dalam kalangan negara serta rakan kongsi.

Beliau menyeru negara yang terjejas untuk menggandakan usaha menangani wabak itu dan menggesa masyarakat antarabangsa untuk bekerjasama bagi menamatkan penularannya.

WHO mengisyiharkan mpox sebagai darurat kesihatan awam global pada Ogos lepas buat kali kedua dalam tempoh dua tahun, susulan penyebaran varian baharu jangkitan virus itu

dari Congo ke negara jiran.

Mpox ialah penyakit virus yang dahulunya dikenali sebagai cacar monyet sebelum WHO menamakkannya semula pada 2022 setelah menerima aduan bahawa nama itubersifit perkauman dan stigma.

Penyakit zoonotik ini boleh menular kepada manusia melalui sentuhan fizikal rapat dengan individu berjangkit atau haiwan liar kecil atau bahan yang tercemar.

Gejala biasa termasuk ruam atau lesi, disertai demam seperti selesesa, sakit kepala, sakit otot, sakit belakang, lemah badan dan kelenjar limfa yang Bengkok. – ©BERNAMA

4 anggota pengaman Itali cedera serangan roket ke atas pangkalan UNIFIL di Lubnan

ROME, 23 Nov. - Empat tentera Itali cedera, namun tidak parah, selepas pangkalan Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL) di Lubnan diserang dengan tembakan roket pada Jumaat.

Pangkalan Shama terkena dua roket, yang dipercayai dilancarkan oleh Hizbullah. Satu daripada roket itu mengenai bahagian luar kubu perlindungan tanpa menyebabkan kerosakan besar pada struktur, lapor agensi berita Itali, ANSA.

Sumber tempatan memaklumkan bahawa keadaan angota tentera itu tidak serius. Beberapa askar mengalami cedera ringan akibat serpihan kaca dan batu.

Di lokasi kejadian, kesan sekurang-kurangnya satu roket berkaliber 122 milimeter ditemukan.

Sementara itu, Perdana Menteri Itali Giorgia Meloni pada Jumaat meluahkan "kemarahan yang mendalam" susulan serangan terbaru ke atas pangkalan UNIFIL Itali di selatan Lubnan.

"Saya menerima berita mengenai serangan baru terhadap markas UNIFIL Itali di selatan Lubnan, yang

menyebabkan kecederaan kepada beberapa angota kita yang sedang menjalankan misi pengamanan, dengan rasa kemarahan dan kebimbangan mendalam," katanya.

Beliau turut menyampaikan solidariti dan simpati kepada angota yang cedera, keluarga mereka, serta penghargaan kepada semua angota kontinjen Itali di Lubnan atas usaha yang dilakukan setiap hari.

"Saya menegaskan sekali lagi bahawa serangan sebegini tidak boleh diterima dan menyeru semua pihak di lapangan untuk memastikan keselamatan angota UNIFIL pada setiap masa serta bekerjasama bagi mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab," tambahnya.

Menteri Pertahanan Itali Guido Crosetto pula menyatakan bahawa kontinjen UNIFIL Itali akan terus berada di Lubnan, tetapi tidak boleh menjadi tebusan kepada militan Lubnan.

Crosetto juga menegaskan bahawa pangkalan UNIFIL tidak boleh digunakan sebagai perisai.

"Saya segera menghubungi komander kontinjen Stefano Messina, untuk memeriksa keadaan empat angota yang

cedera, dan mereka kini tidak berada dalam keadaan membumikan," kata Crosetto.

"Saya juga menghubungi rakan sejawat saya dari Lubnan dan menegaskan bahawa kontinjen Itali di UNIFIL berada di selatan Lubnan untuk menyediakan peluang keamanan dan tidak boleh menjadi sasaran serangan militan."

"Tidak dapat diterima bahawa pangkalan UNIFIL sekali lagi menjadi sasaran serangan," katanya.

Crosetto turut menyatakan hasrat untuk berbincang dengan Menteri Pertahanan Israel yang baharu, walaupun setakat ini usaha untuk mengatur perbincangan itu belum berjaya, bagi meminta supaya pangkalan UNIFIL tidak digunakan sebagai perisai.

Menurut laporan ANSA, empat anggota daripada Briged Sassari, yang semuanya berasal dari Sardinia cedera ringan dalam serangan itu, kini berada dalam keadaan baik.

Anggota "Sassarini" itu tidak dirawat di hospital dan telah menghubungi keluarga masing-masing untuk memaklumkan mereka selamat. – ©BERNAMA

Badan Perundangan Nicaragua lulus pembaharuan perlembagaan presiden bersama

MANAGUA, 23 Nov. - Perhimpunan Kebangsaan Nicaragua pada Jumaat meluluskan cadangan segera Presiden Daniel Ortega untuk pembaharuan perlembagaan umum, yang merangkumi perubahan besar dalam aspek politik dan sosial, termasuk penubuhan jawatan presiden bersama, lapor Xinhua.

Berikutkan kelulusan itu, badan perundangan itu memulakan semakan artikel reformasi secara satu persatu. Memandangkan ia melibatkan pindaan perlembagaan, pembaharuan itu memerlukan kelulusan badan perundangan bagi dua kali sidang yang berurutan, yang dijadualkan pada Januari 2025.

Menurut pihak berkuasa Nicaragua, pembaharuan itu bertujuan untuk mengukuhkan hak rakyat Nicaragua melalui "penyertaan demokrasi langsung" dan untuk menyatukan kestabilan, keamanan dan kerja sebagai asas untuk kesejahteraan kolektif.

Naib Presiden Rosario Murillo berkata bahawa pembaharuan itu menangani keperluan negara yang layak mendapat keselamatan, keamanan dan hak terjamin, memastikan bahawa rakyat adalah pemilik sah sejarah dan tanah mereka.

Satu daripada perubahan ketara dalam pembaharuan yang dicadangkan ialah komposisi bersama Presiden Republik, terdiri daripada dua individu seorang lelaki dan wanita serta lanjutan penggal presiden daripada lima kepada enam tahun. – ©BERNAMA

MPRT 'A' juara Kejohanan Dart sempena HPA Ke-31

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. - Pasukan MPRT 'A' daripada Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) muncul johan bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka di Kejohanan Dart di antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA)

Ke-31, Tahun 2024.

Sementara bagi Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka, johan disandang oleh Yusri bin Haji Ibrahim daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kejohanan yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat lalu, berakhir petang tadi dengan majlis

penutup di Sport Hub, Annex C, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Naib johan bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka dimenangi kepada pasukan Pembangunan 'A' daripada Kementerian Pembangunan, tempat ketiga dan keempat bersama diberikan kepada pasukan MOH '1' daripada Kementerian Kesihatan dan pasukan Jabatan Penyelidikan Brunei daripada JPM.

Bagi Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka pula, naib johan dimenangi oleh Zulkifli bin Haji Matali daripada KSSUP, tempat ketiga dan keempat bersama diberikan kepada Isa bin Haji Ahad daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Samali bin Haji Salleh daripada Kementerian Pertahanan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang, Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Hadiah-hadiah bagi Kategori Beregu Lelaki Terbuka ialah Wang Tunai BND400, Piala Iringan, Medal dan Sijil untuk johan; Wang Tunai BND200, Medal dan Sijil untuk naib johan, sementara Wang Tunai BND100, Medal dan Sijil untuk

tempat ketiga dan keempat bersama.

Manakala hadiah-hadiah bagi Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka ialah Wang Tunai BND200, Piala Iringan, Medal dan Sijil bagi johan; Wang Tunai BND100, Medal dan Sijil bagi naib johan; dan Wang Tunai BND50, Medal dan Sijil bagi tempat ketiga dan keempat bersama.

Sebanyak 73 pasukan dan 97

peserta perseorangan menyertai kejohanan anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan dikendalikan oleh Kelab Dart KBT Brunei Darussalam tahun ini.

Kejohanan antara lain bertujuan untuk memperkenalkan acara sukan Dart agar dapat menjadi sebahagian daripada aktiviti yang mampu mewujudkan kesatuan dalam organisasi, komuniti maupun institusi keluarga.



KEJOHANAN Dart di antara Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-31, Tahun 2024 yang berlangsung di Sport Hub, Annex C, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

MENGGALAKKAN KECERGASAN FIZIKAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada acara Minds in Motion Walkathon yang diadakan di The Lanes Hotel.

TUTONG, Ahad, 24 November. - The Lanes Hotel, dengan kerjasama Tutong Runners hari ini

mengadakan acara Minds in Motion Walkathon yang bermula dan berakhir di kawasan The Lanes

Hotel, di sini.

Acara Walkathon sejauh lima kilometer berkenaan disertai

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

oleh 41 peserta yang bertujuan bagi meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental di samping menggalakkan kecergasan fizikal dan semangat bermasyarakat.

Peserta yang berdaftar dengan menyumbang sebanyak BND20 setiap seorang, menerima baju Walkaton, baucar Dynamics bernilai BND10, pelekat kenangan dan juga berpeluang untuk memenangi hadiah menarik dalam cabutan bertuah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; Pemangku Ketua

Kampung Petani, Awang Zambri bin Haji Ibrahim; dan Pengurus Besar The Lanes Hotel, Jasmine Sim.

Acara didahului dengan bacaan doa, taklimat keselamatan, dan sesi senamrobik.

Acara berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan cabutan bertuah yang ditaja oleh Clarity Sdn. Bhd., Dynamic Sports, Rose Studio dan Whatever Accessories.

Acara diakhiri dengan sesi gambar ramai dan ucapan terima kasih kepada semua penaja, pengajur dan peserta.

Minds in Motion Talk & Walk 2024 merupakan satu kejayaan yang memberangsangkan, merangkumi temanya, 'Walking the Talk for Mental Health'.

Acara berkenaan memberi pengalaman yang bermakna di samping memberi inspirasi sambil memupuk kesejahteraan masyarakat dan kesedaran kesihatan mental yang lebih besar.

MS ABDB menang 3 – 1 ke atas Arbisyam FC

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 23 November. - Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) menang mudah ke atas pasukan Arbisyam FC dengan keputusan 3 - 1 dalam saingan Brunei Elite Futsal League 2024/25 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Gol bagi pasukan MS ABDB dijaringkan oleh 52325 Ls Muhammad Khairul Saifuddin, 52324 LsM Muhammad Izzan bin Zamain dan 53449 Ls Mohamad Asyrol Rafiuddin bin Asmadi.

Manakala jaringan sulung daripada pasukan Arbisyam FC pula dijaringkan oleh Muhammad

Muzaffaruddin bin Mohammad Muizzuddin.

Babak pertama perlawanan menyaksikan pasukan MS ABDB berjaya mengawal permainan dengan melakukan beberapa serangan, akan tetapi pasukan Arbisyam FC pula bijak melakukan beberapa serangan balas yang hampir sahaja membawa hasil.

Pasukan MS ABDB akhirnya berjaya menjaringkan gol pertamanya pada perlawanan berkenaan menerusi 52325 Ls Muhammad Khairul Saifuddin yang membuat percubaan dari jarak dekat menewaskan penjaga gawang pasukan Arbisyam FC pada minit ke-9.

Pada minit ke-13 pula, Pasukan Arbisyam FC melakukan serangan balas dengan pantas dan akhirnya berjaya menjaringkan gol menerusi Muhammad Muzaffaruddin.

Selang satu minit kemudian, Pasukan MS ABDB kembali di hadapan apabila 52324 LsM Muhammad Izzan melakukan serangan dari sayap kiri dan seterusnya menjaringkan gol menerusi sepakan tajam ke sudut kanan gawang.

Sepuhru masa kedua menyaksikan pasukan MS ABDB sekali lagi mengawal permainan dan seterusnya berjaya menjaringkan gol menerusi 53449 Ls Mohamad Asyrol Rafiuddin pada minit ke-26.

Keputusan perlawanan kekal 3 - 1 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.



PASUKAN MS ABDB ketika bertemu dengan Arbisyam FC pada perlawanan Brunei Elite Futsal League 2024/25.

BDSG LABUH TIRAI



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan Penutupan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam Kali Ke-2, Tahun 2024 (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Sabtu, 23 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum petang tadi mengadakan Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024 yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan Pertandingan Peringkat Akhir bagi Acara Olahraga iaitu

100 meter (m) (Berkeperluan Khas Lelaki), 100m (Berkeperluan Khas Perempuan), 4 x 100m (Lelaki) dan 4 x 100m (Perempuan).

Sejurus selepas itu, acara diteruskan lagi dengan perbarisan lalu kontinen dan pegawai-pejawai teknikal.

Majlis kemudiannya diikuti dengan penyampaian hadiah bagi Olahragawan, Olahragawati, Johan Keseluruhan, Naib Johan

Keseluruhan dan Tempat Ketiga Keseluruhan yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Acara juga turut menyaksikan penyampaian pingat-pingat bagi Acara 4 x 100m (Lelaki) dan 4 x 100m (Perempuan) yang telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Seterusnya, penyampaian pingat-pingat bagi Acara 100m (Berkeperluan Khas Lelaki) dan 100m (Berkeperluan Khas Perempuan) disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Majlis kemudian diakhiri dengan Penutupan Rasmi Kejohanan BDSG Kali Ke-2, Tahun 2024 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Pada tahun ini, BDSG mempertandingkan sebanyak tujuh acara sukan, iaitu Bola Jaring, Bola Keranjang, Badminton, Renang, Sepak Takraw, Pencak Silat dan Olahraga, yang telah dirasmikan bermula pada 18 November yang lalu.

Kejohanan ini merupakan gabungan pertandingan sukan yang dikendalikan sebelum ini oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, yang telah meningkatkan sistem dan formatnya selaras dengan persediaan untuk penyertaan dan



pengajuran dalam kejohanan yang dianjurkan oleh Asian Schools Sports Federation (ASSF) dan ASEAN Schools Sports Council (ASSC).

Kejohanan tahun ini disertai oleh seramai 911 atlet-pelajar dan 323 pegawai kontinen.

Selain itu, kejohanan ini turut melibatkan 970 orang individu, termasuk yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Teknikal serta para sukarelawan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pejawai dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

LSST TAIB 2024 berakhir dengan jayanya



SEKITAR Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara aksi pada kejohanan tersebut.

BERAKAS, Ahad, 24 November. - Kejohanan Liga Super Sepak Takraw (LSST) TAIB 2024 yang bermula secara rasminya pada 27 Oktober 2024 yang lalu menutup tirai dengan jayanya petang tadi dengan Majlis Penutupan Rasmi yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Atur cara majlis terlebih dahulu dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang dipimpin oleh Pegawai di Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Haji Ahmad Yaardi bin Haji Abdul Karim.

Sejurus itu acara diteruskan dengan penyampaian Hadiah Penghargaan Khas Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada Pasukan Regu dan Hoop Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah meraih dua pingat gangsa semasa menyertai World Sepaktakraw Championship 37th Thai King's Cup 2024 pada 1 hingga 8 September 2024 yang lalu di Korat, Thailand.

Penghargaan Khas tersebut disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku

Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB.

Majlis diteruskan dengan perlawanan peringkat akhir bagi Kategori Quadrant Bawah 23 di antara Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) 'B' menentang Pasukan Miharbi yang dimenangi oleh Pasukan MS ABDB 'B' dengan kiraan 2 - 0.

Sementara perlawanan peringkat akhir bagi Kategori Regu Terbuka di antara Pasukan Muara Spurs 'A' menentang Pasukan Muara Spurs 'B' dimenangi oleh Pasukan Muara Spurs 'B' dengan kiraan 2 - 0.

Majlis turut menyaksikan pertemuan bintang sepak takraw dunia di antara Pasukan Malaysia dan Pasukan Thailand.

Majlis diselanjurkan dengan penyampaian pingat dan piala pusingan Kejohanan LSST TAIB 2024 kepada para pemenang.

Bagi Kategori Hoop, johan dirangkul oleh Pasukan Tutong dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND500 berserta sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Tempat kedua ialah Pasukan Muara dengan menerima wang tunai sebanyak BND300, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Manakala tempat ketiga dirangkul oleh Pasukan MS ABDB dengan menerima wang tunai sebanyak BND200, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Manakala bagi Kategori Quadrant Bawah 23, Pasukan MS ABDB 'B' telah meraih tempat pertama dengan menerima wang tunai sebanyak BND800 berserta sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Manakala naib johan ialah Pasukan Miharbi dengan menerima wang tunai sebanyak BND500, sebuah trofi serta pingat kemenangan, dan tempat ketiga dikongsi bersama oleh Pasukan Aqua dan Pasukan Sukma 26 yang masing-masing menerima wang tunai sebanyak BND300, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Bagi Kategori Regu Terbuka pula, juara dirangkul oleh Pasukan Muara Spurs 'B' dengan menerima wang tunai sebanyak BND5,000 berserta piala pusingan, trofi dan pingat kemenangan.

Naib johan pula ialah Pasukan Muara Spurs 'A' dengan menerima wang tunai sebanyak BND3,000, sebuah trofi dan pingat kemenangan.

Manakala tempat ketiga dikongsi bersama oleh Pasukan 7 Brothers dan Pasukan Panglima Kota Batu,

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

yang masing-masing menerima wang tunai BND1,000, trofi dan pingat kemenangan.

Sementara itu, pemenang bagi Feeder Terbaik dimenangi oleh AB 1075 Abdul Hadi Ariffin bin Matali dari Pasukan Muara Spurs 'A'; Killer Terbaik pula jatuh kepada ABKD 1367 Muizzuddin bin Jamaludin dari Pasukan 7 Brothers;

sementara Tekong Terbaik diterima oleh Awang Md. Selamat bin Yakub dari Pasukan Muara Spurs 'B'.

Majlis kemudian diakhiri dengan sesi bergambar rama.

Hadir menyaksikan Majlis Penutupan Rasmi ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, pegawai-pejawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Perbadanan TAIB.

Kejohanan Liga Super Sepak Takraw TAIB 2024 telah menampilkan pasukan terbaik setelah melalui beberapa siri kejohanan pusingan kelayakan.

Kejohanan telah berlangsung selama enam minggu berturut-turut yang melibatkan tiga venue berasingan termasuk Daerah Tutong.

Penganjuran kejohanan LSST buat kali kedua ini turut mempertandingkan sebanyak tiga acara iaitu Regu Terbuka, Hoop dan Quadrant Bawah 23 yang telah melibatkan seramai 20 pasukan bagi acara Regu Terbuka, lima pasukan bagi acara Hoop dan 12 pasukan bagi acara Quadrant Bawah 23.

Kejohanan LSST TAIB 2024 merupakan anjuran Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTABARU) dengan kerjasama JBS dan Perbadanan TAIB selaku penaja utama liga.

Matlamat utama kejohanan adalah sebagai promosi bagi menarik minat ramai berkecimpung dalam Sukan Sepak Takraw dan seterusnya mencari bakat baru yang berpotensi untuk diserapkan dalam program pembangunan atlet, pelapis dan pemain kebangsaan serta sebagai Whole of Nation Approach iaitu penglibatan beberapa agensi untuk mengambil peranan masing-masing membawa warga menuju bersama cara hidup sihat, di samping menghidupkan semula sukan tradisi Sepak Takraw yang telah lama bertapak di NBD.





ePaper Pelita Brunei



CABARAN KILANAS 4X4 'BALUAI' PAMER AKSI MENCABAR

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

KILANAS, Ahad, 24 November. – Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dengan kerjasama Samdi Workshop mengadakan Kilanas 4x4 'Baluai' – Offroad Challenge 2024 yang bermula pada 22 November lalu dan peringkat akhir cabaran tersebut diadakan hari ini.

Pertandingan yang diadakan di Tanah Lapang Jalan Ban 1, Kampung Kilanas, Mukim Kilanas ini menampilkan satu kategori sahaja iaitu Kategori Perseorangan Terbuka (Isipadu Bebas) di mana sebanyak 40 peserta mengikuti pertandingan ini yang terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan dan seramai 25 peserta telah mara dan berentap pada pertandingan akhir.

Hadir selaku tetamu kehormat dan sama-sama menyaksikan Kilanas 4x4 'Baluai' – Offroad Challenge 2024 ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Walaupun dalam keadaan tanah yang berlumpur dan cuaca yang panas serta hujan, para peserta menampilkan corak pemanduan yang tangkas dan memamerkan aksi yang bersemangat serta diserikan dengan sorakan penyokong dan orang ramai yang menyaksikan pertandingan tersebut.

Adapun pertandingan ini bertujuan untuk mempererat silaturahim sesama pengemar kereta pacuan empat roda serta mendedahkan kepada orang ramai cara pengendalian, pemanduan kereta pacuan

empat roda dan ciri-ciri keselamatan ketika menghadapi suasana yang mencabar.

Selain itu, pertandingan ini juga bertujuan bagi sama-sama memeriahkan lagi musim cuti persekolahan hujung tahun dan memberikan kesempatan kepada kaum keluarga dan masyarakat untuk beriadah serta merancakkan lagi ekopelancongan khususnya di sebuah mukim dan kampung.

Kilanas 4x4 'Baluai' – Offroad Challenge 2024 turut menyediakan petak pameran dan penjualan alat-alat ganti serta aksesori kenderaan khususnya pacuan empat roda.

Turut diadakan semasa Kilanas 4x4 'Baluai' – Offroad Challenge 2024 ialah petak-petak jualan (Booth Sale) di mana petak-petak jualan tersebut adalah bagi memberikan peluang kepada para peniaga khususnya Peniaga Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menjana pendapatan serta memberikan ruang dalam memperkenalkan dan memamerkan produk-produk 1 Kampung 1 Produk yang dihasilkan oleh penduduk Kampung Kilanas dan sekitarnya.

Pada akhir pertandingan, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Kilanas 4x4 'Baluai' - Offroad Challenge 2024 yang diadakan di Tanah Lapang Jalan Ban 1, Kampung Kilanas (atas, bawah kanan).



Meningkatkan kesedaran keselamatan kanak-kanak



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir dan seterusnya menyempurnakan Karnival Kanak-Kanak untuk meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2024 di Peringkat Kebangsaan bertempat di Brunei Shell Recreation Club, Panaga.

BELAIT, Ahad, 24 November. – Persatuan Pediatric Brunei (BPS) bersama-sama dengan Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,

menganjurkan Karnival Kanak-Kanak pada hari ini bagi meraikan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2024 di peringkat kebangsaan bertempat di Brunei Shell Recreation Club, Panaga,

Seria, di sini.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Persatuan Pediatric Brunei

Lebih 500 kanak-kanak dan ibu bapa menghadiri karnival berkenaan, selaras dengan tema pada tahun ini, iaitu 'Setiap Kanak-Kanak Punya Hak'.

Dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan kanak-kanak, BPS menganjurkan Pertandingan Melukis untuk kanak-kanak berusia enam tahun hingga 16 tahun dan juga Pertandingan Poster untuk kaktangan kesihatan.

Sebanyak 130 penyertaan bagi Pertandingan Melukis Kanak-kanak telah diterima untuk tiga kategori umur, iaitu kanak-kanak berusia enam tahun hingga lapan tahun, kanak-kanak berusia sembilan tahun hingga 12 tahun, dan kanak-kanak berusia 13 tahun hingga 16 tahun.

Hadiah diberikan kepada lima pemenang teratas untuk setiap kategori Pertandingan Melukis dan tiga pemenang teratas untuk Pertandingan Poster.

Semua hasil lukisan dan poster penyertaan juga turut dipamerkan pada acara berkenaan.

Selain itu, pakar pediatric juga mengadakan tiga sesi perkongsian tentang keselamatan kanak-kanak untuk ibu bapa dan penjaga.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan semasa karnival termasuk fun run, permainan seperti permainan padanan, permainan memancing dan bouncers.

Beberapa vendor makanan dan minuman serta pelbagai barang juga turut dijual pada karnival berkenaan.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memperingati Hari Kanak-Kanak Sedunia setiap tahun pada 20 November sejak 14 Disember 1954 dengan matlamat untuk memupuk kerjasama antarabangsa dalam melindungi hak kanak-kanak dan mengutamakan kesejahteraan kanak-kanak di seluruh dunia.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERASUAH : IBADAH SEMBAHYANG, DOANYA TIDAK DITERIMA OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA